

**TRANSKRIPSI ANALISIS PEMIKIRAN SHAHNON
AHMAD DALAM NOVEL SAMPAH DENGAN
MENGAPLIKASIKAN TEORI SPB4K**

NOOR AMIRA BINTI SAMSUDIN

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

2021

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

TRANSKRIPSI ANALISIS PEMIKIRAN SHAHNON

AHMAD DALAM NOVEL SAMPAH DENGAN

MENGAPLIKASIKAN TEORI SPB4K

NOOR AMIRA BINTI SAMSUDIN

C18A0202

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- / TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh _____ sehingga _____
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

NoorAmira

anis

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

98061306676

PUAN SITI NUR ANIS BINTI
MUHAMMAD APANDI

No.KadPengenalan

Nama Penyelia

Tarikh : 20 Januari 2022

Tarikh : 20 Januari 2022

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah S.W.T Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana masih memberikan limpah kurnia dan izinNya saya menyelesaikan tugas projek Analisis Pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah dengan mengaplikasikan teori SPB4K ini bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian di Universiti Malaysia Kelantan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Puan Siti Nur Anis Binti Mohammad Apandi, sebagai pensyarah yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat sepanjang menyelesaikan tugas ini. Penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli keluarga saya dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi kata-kata dorongan dan sokongan bagi melengkapkan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya dalam melengkapkan kajian penyelidikan ini. Segala kebaikan dan keprihatian kalian hanya Allah SWT membalasnya.

MALAYSIA

KELANTAN

ABSTRAK

Menurut Mohd Yusof Hassan (2007:1) menjelaskan bahawa akal adalah bentuk fizikal, manakala minda pula adalah proses penggunaan akal atau pemikiran. Oleh hal yang demikian tercetuslah persoalan mengapa manusia pada hari ini masih tidak dapat membeza antara perkara yang baik dan buruk. Adakah perbezaan darjat seseorang yang miskin ini tidak layak diberikan layanan yang baik oleh semua lapisan masyarakat. Lantaran itu kajian ini bermatlamatkan kepada mengenalpasti konsep nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dari segi zahirnya. Selain itu, kajian ini juga ingin memahami corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah* dan yang terakhir menganalisis pemikiran kerohanian yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan manusia. Kajian ini dilakukan dengan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan teori SPB4K sebagai tunjang utama bagi mengupas pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah*. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pemikiran kerohanian sangat penting dalam kehidupan manusia bagi melahirkan manusia yang tahu menilai erti kekayaan sebenar dalam kehidupan dan tidak membezakan manusia kerana kedudukan seseorang. Secara konklusinya, daripada kerja penyelidikan ini saya telah mendapati bahawa nilai kekayaan seseorang manusia yang miskin adalah nilai ketenangan dan ketenteraman yang mereka miliki serta corak pemikiran kerohanian mereka yang hebat.

ABSTRACT

According to Mohd Yusof Hassan (2007: 1) explains that the mind is a physical form, while the mind is a process of using the mind or thought. This raises the question of why human beings today are still unable to distinguish between good and bad things. Whether this difference in the rank of a poor person does not deserve to be given good treatment by all walks of life. Therefore, this study aims to identify the concept of the real value of wealth in the lives of people who are poor in terms of appearance. In addition, this study also wants to understand the thought pattern of Shahnnon Ahmad in the novel *Sampah* and the latter analyzes the spiritual thinking that is the mainstay of human life. This study was conducted with a qualitative method and applied the theory of SPB4K as the main pillar to analyze Shahnnon Ahmad's thoughts in the novel *Sampah*. The results of the study found that spiritual thinking is very important in human life to produce human beings who know how to evaluate the meaning of real wealth in life and do not discriminate human beings because of one's position. In conclusion, from this research work I have found that the value of a poor human being's wealth is the value of the serenity and serenity they possess as well as their great spiritual thought patterns.

ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ABSTRAK	III
ABSTRACT	IV
BAB 1	PENGENALAN
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1-4
1.2 Permasalahan Kajian	5-6
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6-7
1.5 Skop Dan Batasan Kajian	7-8
1.6 Kepentingan Kajian	9-10
1.7 Kaedah Kajian	10-11
1.8 Definisi Kajian	11
1.8.1 Kekayaan	11-12
1.8.2 Kemiskinan	12
1.8.3 Sampah	12
1.8.4 Pemikiran	13-14

BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
	2.0 Pengenalan	18-19
	2.1 Kajian Literatur Berkaitan Dengan Pemikiran	19-29
	2.2 Kajian Literatur Berkaitan Dengan Shahnnon Ahmad	29-30
	2.3 Kajian Literatur Berkaitan Dengan Teori SPB4K	30-33
	2.4 Kesimpulan	33-34
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI	
	3.0 Pendahuluan	34
	3.1 Metodologi Kajian	35-36
	3.2 Pendekatan Kajian Teori SPB4K	37
	3.2.1 Prinsip Ketuhanan	37
	3.2.2 Prinsip Kebitaraan	37-38
	3.2.3 Prinsip Kesaintifikan	38
	3.2.4 Prinsip Kekreatifan	39
	3.3 Reka Bentuk Kajian	39-40
	3.4 Kerangka Konseptual	40
	3.5 Keterangan Kerangka Konseptual	40-41

3.6 Kesimpulan	41
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN
4.0 Pengenalan	41
4.1 Konsep Nilai Kekayaan Sebenar Dalam Kehidupan Manusia Yang Miskin Dari Segi Zahirnya	41-42
4.1.1 Manusia Memandang Kekayaan Sebagai Satu Penghormatan	42-45
4.1.2 Kekayaan Sebagai Satu Jurang Pemisah Sesama Manusia	45-47
4.1.3 Nilai Kekayaan Yang Sebenar Dalam Kehidupan Manusia Yang Miskin	47-49
4.2 Corak Pemikiran Shahnnon Ahmad	49-51
4.2.1 Pemikiran Shahnnon Ahmad Dalam Menilai Manusia Yang Miskin Melalui Novel Sampahn	51-53
4.2.2 Pemikiran Shahnnon Ahmad Mendalami Perasaan Seorang Pengemis	53-55
4.3 Pemikiran Kerohanian Yang Menjadi Tunjang Utama Dalam Kehidupan Manusia	56
4.3.1 Pemikiran Kerohanian Dalam Keagamaan	56-59
4.3.2 Pemikiran Kerohanian Dalam Ketauhidan	59-61
4.4 Kesimpulan	61-62

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	63
5.1 Rumusan	64-65
5.2 Implikasi Kajian	65-66
5.3 Cadangan Kajian	66-67
5.3.1 Peranan Institusi Pendidikan	67
5.4 Kesimpulan	67
Rujukan	68-69

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Sudut ini akan menjadi pengantar projek penyelidikan kajian yang mengandungi beberapa aspek iaitu latar belakang kajian, konsep kajian, pernyataan, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian, Perbincangan kajian ini akan menyentuh mengenai pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel beliau sendiri iaitu novel Sampah dengan mengaplikasikan teori SPB4K yang diasaskan oleh Mohd Yusof Hassan, seorang tokoh pemikir dan sarjana dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Sebelum menelusuri dengan lebih jauh dan mendalam tentang aspek yang akan dihuraikan dan seterusnya akan dibincangkan seiring dengan penggunaan teori yang diaplikasikan dalam kajian. Makalah ini menghuraikan dengan lebih jelas dan kefahaman tentang latar belakang kajian pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah yang akan diketengahkan bersama-sama dengan objektif, persoalan kajian, permasalahan kajian, definisi konsep, skop dan batasan, kepentingan kajian, pembahagian bab, dan kesimpulan bab ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Novel ialah genre kesusasteraan Melayu yang semakin popular dan tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda yang mempunyai minat membaca dan memahami setiap penyampaian pengarang melalui novel yang telah dikarang oleh mereka. 'Novel' perkataan yang berasal daripada novella dalam bahasa Itali yang membawa makna "cerita terkini", "satu benda baru", "satu benda kecil yang baharu", "perkhabaran baru" atau "cerita yang pendek". Maka apa yang dapat kita huraikan perkataan novella disingkatkan kepada perkataan 'novel' sahaja. Menurut

Kamus Dewan dan Pustaka novel dapat ditafsirkan sebagai sebuah cerita yang berbentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Kualiti sesebuah novel bergantung kepada kandungan atau mutu fizikalnya. Penghasilan karya-karya yang berbentuk genre novel dapat memberi satu daya fikir bagi pengarang menghasilkan karya yang bermutu.

Menurut Shanon Ahmad dalam buku Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1999), mendefinisikan novel sebagai satu bentuk pentafsiran rencaman hidup manusia yang terbina dalam bentuk sastera cereka. Oleh itu, dapat dilihat bahawa dalam penghasilan karya sastera seperti novel akan diteliti dengan beberapa perkara iaitu pemikiran penulis, pengalaman penulis, rencaman hidup dan imaginasi penulis. Di sini dapat dirungkaikan melalui pernyataan Shahnnon Ahmad dalam buku Kamarudin Hj Husin dan Siti Hj Abdul Aziz (1999) bahawa penghasilan novel sedikit sebanyak akan melibatkan tentang realiti kehidupan masyarakat. Oleh itu, dengan kajian yang sedang dijalankan dapat pengkaji menafsir corak pemikiran penulis dalam novel yang penulis hasilkan.

Berdasarkan kajian yang cuba diketengahkan oleh pengkaji pemikiran dapat didefinisikan sebagai satu bentuk daya berfikir oleh manusia secara rasional. Novel mempunyai ciri-ciri seperti kisah atau cerita yang panjang dan 5000 atau lebih patah perkataan. Di dalam genre novel, novel juga mempunyai beberapa jenis novel contohnya novel seram, novel picisan, novel gothic, novel psikologi, novel romantik dan lain-lain. Dunia penghasilan karya novel akan dibahagi kepada 3 kategori iaitu novel dewasa, remaja dan kanak-kanak.

Perkataan pemikiran berasal daripada perkataan 'fikir' atau 'think' oleh itu terciptalah perkataan yang digabungkan dengan beberapa imbuhan yang sesuai iaitu

berfikir, memikir, terfikir, pemikiran dan pemikir. Menurut Mohd Yusof Hassan (2007:1) menjelaskan bahawa akal adalah bentuk fizikal, manakala minda pula adalah proses penggunaan akal atau pemikiran. Justeru itu, konsep pemikiran seiring dengan konsep mind. Perkara yang penting dalam kehidupan manusia ialah minda bagaimana seorang manusia berfikir secara rasional dan wajar dalam membuat sesuatu keputusan. Dalam pada itu, Mohd Yusof Hassan juga ada menyatakan bahawa pemikiran adalah sebahagian daripada proses minda yang berlaku dalam otak. Lantaran itu, bersesuaian dengan kajian ini pemikiran seseorang penulis atau pengarang menunjukkan satu proses minda yang akan diterapkan dalam penghasilan karya sastera.

Shahnon Ahmad merupakan seorang penulis Malaysia yang telah mendapat anugerah sebagai Sasterawan Negara. Shahnon Ahmad dianugerahkan gelaran sebagai Profesor Emeritus Dato' Dr. Haji Shahnon Ahmad setelah menjadi Sasterawan Negara. Beliau dilahirkan pada 13 Januari 1933 di Banggul Derdap Sik, Kedah dan telah meninggal dunia pada pada usia 84 tahun kerana mengidap penyakit pneumonia pada jam 8 pagi hari 26 Disember 2017 di Hospital KPJ Kajang, Selangor. Nama ayah beliau ialah Ahmad Abu Bakar yang berasal daripada Medan, Indonesia dan ibu beliau bernama Kelsum Mohd Saman yang berketurunan Melayu Pattani. Keluarga beliau mula berhijrah ke Tanah Melayu pada kurun abad ke 19. Ayah beliau bekerja sebagai seorang kakitangan dalam Jabatan Juruukur dan posmen sebelum diupah tentera British sebagai perisik mengintip pergerakan askar Jepun sewaktu perang dunia yang kedua.

Shahnon Ahmad menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu di Sik dan lulus darjah 5 pada tahun 1946, kemudian beliau melanjutkan pendidikan menengah di Maktab Sultan Abdul Hamid di Alor Setar sehingga lulus Sijil Persekolahan. Beliau mula berkhidmat dalam bidang pengurusan di Terengganu menjadi guru di Grammer English

School pada tahun 1954. Kemudian beliau bertukar Pegawai Tentera di Port Dickson, Negeri Sembilan dari tahun 1955 hingga 1956). Kecederaan yang dialaminya menyebabkan beliau menjadi guru semula dan mengajar bahasa Inggeris di Sekolah Melayu Gunung dan Sekolah Bukit Besar, Kedah (1957-1959).

Novel Sampah hasil karya Shahnnon Ahmad sesebuah karya sastera yang unik dan menarik bagi sesiapa yang meminati pembacaan novel. Novel ini mula diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1974 yang merupakan cetakan pertama novel ini dikeluarkan. Novel Sampah ini merupakan novel fiksyen dan sesuai untuk dibaca semua lapisan masyarakat. Novel ini membawa tema kemiskinan seseorang pengemis atau gelandang di tengah ibu kota. Novel ini mengisahkan tentang bagaimana seorang manusia pengemis tidur di merata-rata tempat seperti di tempat letak kereta lain-lain. Pengemis ini menggunakan watak 'dia' bagi mewakili dirinya watak utama di dalam novel ini.

Di dalam novel ini terdapat beberapa persoalan yang dapat ditafsir oleh pengkaji sebagai pembaca. Antara persoalan yang terkandung di dalam novel ini ialah persoalan tentang kemiskinan seorang manusia yang dibiarkan mengemis seumur hidupnya. Selain itu, terdapat juga persoalan tentang kekejaman manusia lain terhadap pengemis kerana memandang mereka dalam keadaan menjijikan dan memberi layanan yang buruk. Novel ini membawa persoalan tentang adakah harta, darjat dan kuasa menjadi penentu dalam mendapat layanan yang baik di sisi masyarakat.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini membincangkan soal tentang konsep nilai kekayaan bagi manusia yang miskin dan meneliti pemikiran Shahnnon Ahmad di dalam novel Sampah hasil karya beliau sendiri. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan teori SPB4K bagi menghuraikan

setiap pemikiran Shahnnon Ahmad melalui novel Sampah dengan berpaksikan pada prinsip kerohanian. Di sini apa yang menjadi persoalan ialah novel Sampah kurang mendapat perhatian masyarakat atau golongan belia untuk membacanya. Hal ini mungkin berpunca sukar untuk difahami jika hanya membaca sekali namun jika diteliti dan difahami berkali-kali novel ini membawa kisah seorang pengemis atau gelandangan yang tidak mempunyai rumah. Karya-karya sastera pada masa kini kurang mendapat sambutan dalam golongan belia dan masyarakat. Hal ini kerana kecanggihan teknologi pada kini kian mematkan hasil karya sastera yang berbentuk buku bagi generasi muda kerana semuanya tertumpu kepada telefon pintar.

Walaupun, pengadaptasian karya sastera dalam arus kemodenan bukanlah satu perkara yang mustahil dan ianya sedang diusahakan oleh golongan sastera bagi mengangkat martabat sastera dalam masyarakat semula. Selain itu, kajian ini akan membawa konsep nilai kekayaan sebenar bagi manusia yang miskin. Kajian dijalankan kerana terdapat beberapa keruntuhan institusi sosial, ekonomi dan politik tentang nilai kekayaan yang diukur dari bentuk yang zahir. Dengan adanya kajian ini dijalankan diharapkan dapat membuka mata masyarakat tentang konsep nilai kekayaan sebenarnya bagi seorang manusia.

Pernyataan masalahnya adakah manusia pada hari ini masih tidak dapat membeza antara perkara yang baik dan buruk. Adakah perbezaan darjat seseorang yang miskin ini tidak layak diberikan layanan yang baik oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini sering menjadi persoalan dalam pemikiran pengkaji bagaimana manusia yang ditakdirkan hidup mengemis mampu meneruskan kehidupan yang tidak teratur namun masih mempunyai nilai kekayaan yang mereka miliki tanpa kita sedar.

Justeru itu, pengkaji mengaplikasikan teori SPB4K bagi merungkai pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah dan seterusnya untuk melihat konsep nilai kekayaan sebenar manusia yang miskin. Kewujudan kajian ini dapat dihuraikan apa sebenarnya pengarang cuba sampaikan kepada masyarakat dan mampu memberi kesan kepada masyarakat untuk memandang mereka yang tidak bernasib baik seperti kita namun layak memberi layanan yang baik. Meskipun mereka miskin harta namun nilai hati mereka disisi Sang Pencipta kita sebagai manusia.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang menjadi perhatian pengkaji dalam melakukan kajian ini ialah

1. Apakah nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin?
2. Apakah corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah?
3. Adakah pemikiran kerohanian menjadi tunjang utama dalam kehidupan manusia?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian dalam penyelidikan ini ialah :

1. Mengenalpasti konsep nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dari segi zahirnya.
2. Memahami corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah.
3. Menganalisis pemikiran kerohanian yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan manusia.

1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibatasi kepada konsep nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dari segi zahirnya dan corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah. Konsep nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dari segi zahirnya ini menjelaskan tentang apakah nilai kekayaan sebenarnya pada mereka. Konsep nilai kekayaan sebenar bagi manusia yang miskin ini membawa masyarakat untuk berfikir tentang apa nilai kekayaan sebenarnya dalam kehidupan manusia

Kajian ini mengaplikasikan teori SPB4K bagi mencapai beberapa objektif kajian ini. Teori SPB4K ini terkandung empat prinsip asas yang menjadi tunjang utama namun di dalam kajian ini bagi mencapai matlamat kajian prinsip kerohanian dipilih. Teori SPB4K ini sesuai untuk diaplikasikan di dalam novel Sampah karya Shahnnon Ahmad ini kerana teori ini mampu membuktikan bahawa pemikiran Shahnnon Ahmad tentang kemiskinan sangat tinggi. Hal ini kerana berdasarkan kehidupan Shahnnon Ahmad dan pengalaman beliau memaparkan bahawa nilai kerohanian dalam diri manusia perlu ada. Justeru itu skop kajian ini menggunakan teori SPB4K bagi membuktikan kenyataan di atas.

Skop kajian dijalankan berdasarkan pada teks novel Sampah hasil karya Shahnnon Ahmad. Teks yang dipilih ini akan menyempurnakan kajian penyelidikan pengkaji dalam menerokai tentang konsep nilai kekayaan bagi manusia yang miskin dan meneliti pemikiran Shahnnon Ahmad berdasarkan teori SPB4K. Teks novel Sampah ini dipilih kerana novel ini banyak menimbulkan persoalan kepada pembaca tentang isu pengemis dan gelandangan yang nasib mereka tidak bernasib baik. Kehidupan yang tidak terurus dan sering menjadi bahan hinaan masyarakat yang tidak mempunyai nilai

kemanusiaan. Bagi mereka iaitu pengemis kehidupan mereka seperti kosong dan tidak berguna seperti sampah. Hanya layak dibuang oleh masyarakat kerana tiada fungsi dan jasa yang mereka lakukan untuk dihargai.

Kajian ini berobjektifkan kepada mengenalpasti konsep nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dari segi zahirnya. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk merapatkan jurang perbezaan dalam kehidupan manusia yang sering memandang harta, darjat dan kuasa seseorang. Oleh itu, pengkaji ingin menunjukkan bahawa nilai kekayaan seseorang manusia yang miskin bukan hanya kerana tidak mampu memiliki harta benda secara zahir namun kewujudan mereka ini akan memberi satu anugerah untuk mereka bersyukur atas nikmat yang Allah berikan kepada hamba-hambanya.

Batasan objektif kedua pula pengkaji cuba untuk memahami corak pemikiran Shahnon Ahmad dalam novel *Sampah*. Bahagian ini akan diaplikasikan teori SPB4K menggunakan prinsip kerohanian bagi mencungkil pemikiran Shanon Ahmad dalam teks novel *Sampah* beliau. Di sudut ini pengkaji cuba untuk membawa mesej dan pengajaran yang pengarang cuba sampaikan di dalam hasil karya beliau.

Bagi objektif terakhir menganalisis pemikiran kerohanian yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan manusia. Tujuan objektif ini dibuat ialah untuk mendedahkan kepada masyarakat bahawa novel *Sampah* ini sebenarnya mempunyai nilai kerohanian jika diteliti dengan baik dan pandang dengan sudut yang berbeza.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetengahkan corak pemikiran Shahnon Ahmad di dalam novel *Sampah*. Pengkaji memilih aspek untuk menganalisis corak pemikiran Shahnon Ahmad untuk dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji

yang akan datang. Hal ini perlu dilakukan bagi memberi satu bentuk menyampaikan maklumat kepada generasi yang akan datang. Kajian ini sedikit sebanyak memberi sumbangan untuk mereka yang mengkaji tentang penulis Shahnnon Ahmad yang merupakan Sasterawan Negara kita.

Selain itu, kajian ini juga akan memberi dorongan kepada generasi muda untuk mengkritik atau melakukan kajian dengan lebih mendalam samada menggunakan teori yang sama ada teori yang dipilih bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Dalam pada itu, kepentingan kajian ini dijalankan ialah berlaku pertambahan jumlah karya sastera yang dikaji dan dianalisa yang menjurus kepada konsep nilai kekayaan sebenar pada manusia yang miskin dari segi zahirnya dan corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah.

Seterusnya, kepentingan kajian ini juga merungkai tentang nilai kekayaan manusia yang miskin bagi membuka mata masyarakat tentang hakikat tentang kehidupan manusia yang perlukan. Kajian ini akan membawa masyarakat sedar bahawa setiap kekayaan tidak hanya melibatkan harta benda sahaja. Melalui konsep ini akan dijelaskan tentang apa itu nilai kekayaan yang sebenarnya dalam kehidupan manusia. Kewujudan kajian ini akan membuka mata manusia tentang nilai kekayaan sebenar kepada masyarakat yang dibutakan dengan kekayaan harta benda dan wang ringgit.

Dalam pada itu, kajian diharapkan dapat membantu dan memberi pendedahan kepada para pelajar untuk menghuraikan dan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pemikiran dan konsep nilai kekayaan sebenar manusia dalam novel Sampah hasil karya Shahnnon Ahmad. Hal ini kerana konsep nilai kekayaan dalam kehidupan manusia yang miskin ini akan membuka minda para pelajar sedar bahawa bukan harta benda yang menjadi ukuran kepada mereka yang miskin namun mereka memiliki

sesuatu yang lebih berharga daripada itu. Konsep ini akan menghuraikan dari aspek faktor, punca, kesan dan penyelesaian daripada nilai kekayaan manusia yang miskin ini berdasarkan kepada novel Sampah Shannon Ahmad. Justeru itu, kesan daripada kajian dijalankan bagi melahirlah nilai-nilai kemanusiaan yang prihatin kepada mereka yang tidak mempunyai apa atau lebih sinonim iaitu miskin harta. Kesimpulannya, berdasarkan kepentingan kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan dan panduan kepada universiti dan para pelajar.

1.7 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan bahagian yang sangat penting dalam proses menjalankan sesebuah kajian. Dalam menghasilkan sesebuah kajian terdapat beberapa kaedah kajian bagi mengumpulkan data-data penting. Kaedah yang digunakan mestilah bersesuaian dan bertepatan dengan data yang diperlukan. Justeru itu, pengkaji memilih kaedah perpustakaan bagi mendapatkan sumber rujukan seperti jurnal, artikel, penulisan ilmiah dan tesis. Pencarian buku dan bahan di perpustakaan melalui sistem komputer telah mempercepatkan dan memudahkan pengkaji memperoleh data. Oleh itu, kaedah kepustakaan digunakan sepenuhnya untuk mencari bahan-bahan dan memperoleh idea berkenaan dengan bidang kajian pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah pencarian bahan rujukan di laman sesawang. Pada era ini, pencarian bahan-bahan sumber rujukan di laman sesawang semakin mendapat perhatian masyarakat kerana mudah dan menjimatkan kos. Walaubagaimanapun, pemilihan bahan rujukan di laman sesawang perlulah ditapis dan diteliti dengan mendalam agar tidak berlaku sebarang data yang tidak benar. Pencarian bahan rujukan di laman sesawang perlu di cari melalui laman sesawang yang rasmi seperti portal-portal rasmi.

1.8 DEFINISI KAJIAN

Ketika melakukan kajian ini terdapat beberapa istilah yang mempunyai kaitan dengan konsep projek penyelidikan yang dilaksanakan. Oleh itu, bagi memastikan kajian ini dilaksanakan dengan baik maka konsep-konsep ini akan digunakan bagi memberi pencerahan di sudut definisi.

1.8.1 Kekayaan

Perkataan asal kekayaan iaitu ‘kaya’ yang ditambah imbuhan bagi menunjuk kata adjektif. Perkataan kekayaan ini sinonim dengan berharta, berada, berkuasa, berkemampuan, hartawan dan lain-lain lagi. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka perkataan kaya bermaksud banyak harta benda. Hal ini menjelaskan bahawa manusia yang memiliki harta dengan cara mewarisi atau berusaha mengumpul sesuatu benda yang berharga di mata manusia. Secara amnya kekayaan ini diukur di mata manusia dari segi harta dan wang ringgit bagi membuktikan bahawa seseorang itu kaya.

Di dalam sudut pandangan secara zahirnya kekayaan seseorang akan menjadi kasta sosial sesebuah masyarakat. Sistem sosial manusia akan mewujudkan jurang antara golongan yang kaya dan golongan yang miskin. Di sini bermulalah perkongsian pemikiran yang berbeza dan budaya dalam masyarakat.

Di dalam konteks agama kekayaan seseorang itu bukanlah berpaksikan pada harta semata-mata namun berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang bersabda bahawa “Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, akan tetapi kekayaan itu adalah kaya hati (jiwa).” (Riwayat al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi, Ibnu Majah & Ahmad)

Hadis itu menjelaskan bahawa kekayaan sebenarnya adalah kekayaan jiwa iaitu orang yang merasa cukup dengan pemberian kepadanya (qona'ah), reda dan tidak

tamak dalam mencari harta. Perkara ini jelas bahawa kekayaan seseorang hamba Allah SWT bukanlah dari hartanya namun dari hatinya sendiri. Berpaksikan pada kajian, nilai kekayaan manusia yang miskin dari segi zahirnya ialah hati mereka dalam kehidupan mereka. Meskipun nasib tidak menyebelahi mereka ketika di dunia namun mereka jug tidak menginginkan kehidupan begini namun hati mereka tenang dan redha atas apa yang Allah takdirkan.

1.8.2 Kemiskinan

Kemiskinan boleh diertikan sebagai orang yang tidak mempunyai harta benda dan wang ringgit. Perkara dijelaskan lagi kemiskinan ialah satu keadaan yang membawa seseorang tidak mempunyai sebarang pemilikan keatas sesuatu benda dan keadaan yang dialami tidak mampu memenuhi keperluan seharian seperti makan hanya sekadar untuk meneruskan kehidupan.

1.8.3 Sampah

Sampah bermaksud sesuatu bahan buangan atau sisa buangan yang tidak diperlukan setelah berakhirnya kegunaanya atau tidak boleh digunakan. Sampah merupakan bahan yang digunakan oleh manusia dan apabila ianya tidak berguna atau sudah tamat fungsinya maka ianya digelar sampah.

Berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan sampah sebagai persampahan tempat buangan sampah atau timbunan sampah. Selain itu, sampah juga boleh diertikan benda-benda yang dibuang seperti daun-daun kering, kertas-kertas yang kotor dan sebagainya yang menjadi bahan buang manusia.

Di dalam Kamus Dewan Edisi Empat ada menjelaskan sampah juga bermaksud sesuatu atau orang yang tidak berharga atau tidak berguna juga dikategorikan sebagai sampah. Di dunia ini terdapat masyarakat yang digelar sampah kerana beranggapan mereka yang miskin ini tidak berguna kepada masyarakat dan tidak layak untuk digelar manusia. Ada yang berpendapat bahawa mereka yang miskin ini ialah manusia yang hina dan sampah kepada masyarakat kerana sering menagih simpati kepada manusia yang mempunyai kekayaan, kuasa dan darjat.

1.8.4 Pemikiran

Pemikiran yang kata suku asalnya 'fikir' yang diertikan sebagai cara atau memikir sesuatu perkara di akal fikiran. Manusia berfikir dari minda yang memahami tentang dunia yang dialami. Dalam istilah kesusasteraan unsur pemikiran yang dipaparkan merupakan intipati sesuatu idea yang terdapat dalam karya, biasanya karya puisi, Unsur pemikiran tersebut sering diungkapkan sebagai tema utama, tergambar dengan kesan emosi, kepercayaan, kenyataan atau corak tingkah laku watak yang terdapat dalam karya tersebut.

Menurut Aristotle, pemikiran merupakan salah satu daripada tiga unsur dalam karya sastera selain unsur mitos (cerita atau plot) dan perwatakan. Dalam bidang sosiologi pemikiran didefinisikan sebagai pemikiran yang produktif dengan penciptaan hal-hal atau idea baru dan bernas. Bagi bidang psikologi umum pemikiran ditakrifkan pemikiran lebih tertumpu kepada diri sendiri atau taksu diri. Menurut Piaget pemikiran ini lebih menumpu kepada keperluan atau hal-hal yang berkait dengan diri sendiri. Selain itu, bidang psikologi umum juga menjelaskan bahawa pemikiran merupakan salah satu terapi kognitif yang bertujuan untuk mengenalpasti cara-cara mengubah proses pemikiran dan respons normal kepada pemikiran.

Di samping itu, bidang pengurusan meletakkan pemikiran sebagai keupayaan berfikir yang mencetuskan idea secara kreatif untuk melahirkan sesuatu produk atau perkhidmatan baharu yang lebih cekap dan berkesan. Bidang pengurusan ini menjelaskan lagi proses pemikiran inovatif melibatkan tiga unsur utama iaitu kreativiti, pembangunan idea dan perlaksanaannya. Pemikiran inovatif tidak semestinya berlaku dengan memperkenalkan produk-produk baharu tetapi dengan penambahanbaik terhadap sesuatu produk atau proses yang sedia ada juga pemikiran inovatif .

Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran ini merupakan satu proses yang penting bagi mengeluarkan idea-idea bernas dan mencipta sesuatu yang berbeza dari yang biasa. Pemikiran pengarang dalam sesuatu karya sangatlah penting bagi merungkai mesej disebalik penghasilan karya ini tercipta bagi mendatangkan sifat kesedaran dalam diri untuk menjadi insan yang baik.

1.8.5 Pengemis

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan pengemis sebagai orang yang meminta sedekah dari orang yang berkemampuan. Perkataan Darwisy atau Al ialah perkataan asal daripada Bahasa Parsi yang bermakna peminta sedekah atau pengemis. Bagi orang-orang sufi iaitu orang yang arif tentang agama menafsirkan darwisy atau Al ini sebagai orang yang zuhud. Orang yang digelar Darwisy ini hidup susah dari segi makan, minum dan pakaiannya.

1.8.6 Kerohanian

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan kerohanian sebagai perihal rohani, sifat-sifat rohani, rohaniah, kebatinan dan merupakan tergolong dalam hitung setiap penilaian. Dalam bidang pendidikan kerohanian membawa istilah sesuatu yang

bersifat kekal seperti alam kerohanian. Bagi bidang kesusasteraan kerohanian mempunyai istilah di dalam genre novel psikologi iaitu novel yang menekankan aspek kerohanian, emosi dan mental serta analisis perwatakan, plot atau aksi dalam novel walaupun sekadar menjalankan cerita.

Pengaruh penulisan psikologi ini dipengaruhi oleh Sigmund Freud dan Carl Jung yang memberi fokus kepada kehidupan dalaman dan watak yang selalu menjadi individu yang bermasalah dan unik dengan keadaan mental dan emosi yang bergolak. Fokus penceritaan lebih memberi motivasi kepada pembaca melalui setiap aksi watak. Novel psikologi ini wujud bertujuan untuk memaparkan perkara yang ditekankan bukanlah apa yang berlaku tetapi mengapakah perkara itu berlaku.

1.9 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini terkandung beberapa bab yang dibahagi kepada tujuh bab. Bab 1 dikenali sebagai bab pendahuluan. Bab pendahuluan ini akan menjadi struktur kepada beberapa bahagian iaitu pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, pembahagian bab dan akhir sekali kesimpulan.

Seterusnya bab dua akan menampungkan kajian-kajian lepas. Hal ini bermaksud kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu menjadi sumber rujukan dan panduan dalam menjalankan kajian mereka. Kajian-kajian lepas yang dipilih adalah berdasarkan fokus kepada pemikiran pengarang novel dan penggunaan teori SPB4K atau mana-mana kajian yang berkaitan dengan kajian novel.

Di samping itu, bagi bab tiga pula akan dijelaskan tentang metodologi kajian. Bagaimana pengkaji menjalankan kajian ini dengan kaedah metodologi yang dipilih dan kerangka teori yang dipilih. Di bahagian ini akan diterangkan melalui bagaimana

teori SPB4K diaplikasikan untuk mengkaji pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah dengan menggunakan prinsip kerohanian. Teknik yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif iaitu dengan cara membaca, penerangan, pengelasan dan pentafsiran akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab ini.

Bagi bab empat terkandung tentang perbincangan mengenai analisis kajian yang dijalankan. Antara analisis kajian yang akan dijalankan ialah mengenalpasti konsep nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dari segi zahirnya. Di bahagian ini akan dirungkaikan segala faktor, punca, kesan penyelesaian bagi manusia yang miskin dari segi zahirnya. Bahagian ini akan dianalisis dengan teliti berdasarkan novel Sampah hasil karya Shahnnon Ahmad.

Selain itu, bagi bab empat juga akan diteliti tentang memahami corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah. Bab ini akan menjelaskan pelbagai aspek pemikiran Shahnnon Ahmad cuba sampaikan melalui karya beliau.

Di samping itu, di dalam bab empat juga akan menerangkan analisis pemikiran kerohanian yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan manusia. Bahagian ini akan diadaptasikan teori SPB4K bagi menganalisis pemikiran kerohanian yang terkandung di dalam novel Sampah hasil karya Shahnnon Ahmad. Di sini hasil kajian akan mendapati adakah novel ini memenuhi pemikiran kerohanian Shahnnon Ahmad cuba sampaikan kepada masyarakat.

Di bab yang terakhir iaitu bab lima akan menjadi bahagian rumusan dan kesimpulan keseluruhan kajian yang sedang dijalankan. Selain itu, akan diselitkan juga beberapa cadangan untuk kajian ini. Seterusnya akan dinilai kajian ini adakah ianya bersifat positif ataupun negatif kepada masyarakat.

1.10 KESIMPULAN

Secara keseluruhan kajian, setelah dikaji, diteliti berpadukan kepada pemikiran Shahnon Ahmad dalam novel Sampah pengkaji mendapati bahawa beliau cuba untuk memberi kesedaran kepada manusia tentang pemikiran kerohanian yang terkandung di dalam Teori SPB4K yang diasaskan oleh Mohd. Yusof Hassan. Pengkaji mendapati bahawa watak 'dia' memaparkan tentang seorang pengemis atau gelandangan di tengah ibu kota. Kisah 'dia' memberi satu kesedaran pemikiran kerohanian dalam kehidupan manusia bahawa harta kekayaan manusia seperti pengemis bukanlah harta semata-mata namun apa yang membuat mereka kaya ialah hati mereka. Mereka mengharapkan seseorang membantu mereka mengubah nasib mereka yang malang untuk menjadi insan yang lebih berguna kepada masyarakat bukannya menjadi sampah kepada masyarakat.

Penggunaan teori SPB4K amat sesuai diaplikasikan di dalam novel Sampah ini bagi merungkai pemikiran Sasterawan Negara iaitu Shahnon Ahmad. Shahnon Ahmad menghasilkan karya novel Sampah ini bagi membuka mata masyarakat dan minda masyarakat untuk menghargai mereka ini walaupun mereka ini dianggap sampah namun jika bijak dalam menguruskan dan membantu pasti tidak akan ada isu pengemis di tepi jalan atau di mana-mana sahaja. Harapan pengkaji untuk generasi muda pada masa yang akan datang lebih peka dan mempunyai nilai kemanusiaan dalam mengetahui isu-isu pengemis dan gelandangan. Kehadiran generasi muda yang prihatin kepada mereka yang tidak bernasib baik ini akan memberi satu inspirasi kepada masyarakat sedar mereka bukannya sampah namun mereka juga manusia yang layak diberikan layanan yang baik.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab ini akan meneliti tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang telah dibuat berkenaan dengan corak pemikiran Shahnnon Ahmad. Kajian ini akan mengaplikasikan teori SPB4K bagi merungkai pemikiran Shahnnon Ahmad di dalam novel *Sampah*. Tinjauan kajian akan lebih memberi fokus kepada beberapa faktor yang merangkumi pemikiran dan kajian berkaitan Shahnnon Ahmad. Selain itu, tinjauan kajian juga melihat teori SPB4K yang digunakan oleh penyelidik lain bagaimana mereka mengaplikasikan dalam teks dan merungkai setiap pemikiran yang ada pada sesebuah karya. Di samping itu, pengkaji akan lebih meneliti kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dalam pemikiran kerohanian.

Karya-karya Shahnnon Ahmad banyak dikaji semula oleh penyelidik dan dirungkai semula dalam pelbagai teori yang digunakan. Kelahiran Shahnnon Ahmad dalam dunia kesusasteraan memberi sumbangan yang besar dalam membuka peluang generasi muda untuk melakukan penyelidikan terhadap karya sastera beliau. Karya-karya Shahnnon Ahmad banyak diangkat dan diadaptasikan kepada filem, menjadi bahan rujukan serta mendapat tempat di luar negara. Justeru itu, kajian literatur akan melihat pengaplikasian teori SPB4K dalam pemikiran Shahnnon Ahmad di dalam novel *Sampah*.

2.1 KAJIAN LITERATUR BERKAITAN DENGAN PEMIKIRAN

Kajian pemikiran pengarang yang berkaitan ialah Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib. Artikel ini dikaji oleh Noraini Ibrahim dan Ani Omar pada tahun 2017, dalam kajian mereka mendapati bahawa pemikiran pengarang dalam karya beliau tentang peristiwa yang dialami daripada diri pengarang sendiri mahupun melalui pengalaman individu lain yang diadaptasi dalam novel ini. Penerapan Teori Sistem Bersepadu 4K atau Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan digunakan bagi mengenal pasti pemikiran pengarang novel ini dan menganalisis pemikiran pengarang. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan yang terkandung dalam Teori Bersepadu 4K diteliti dan mendapati tiada lagi pengkaji yang mengkaji Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib. Artikel ini memberi inspirasi kepada saya bagaimana untuk mengaplikasikan teori SPB4K dalam kajian saya.

Kajian pemikiran pengarang turut dilakukan oleh Nasirin Abidillah dan Roslan Abdul Wahid pada tahun 2007 daripada Universiti Malaysia Kelantan yang menjalankan kajian bertajuk Cerita Pilihan Mak Yong seperti “Anak Raja Gondang”, “Eneng Tajali”, “Raja Besar Ho Gading” dan “Dewa Indera Indera Dewa” sebagai kajian mereka. Tajuk kajian mereka ialah Pemikiran Peradaban Melayu dalam Cerita-cerita Pilihan Mak Yong Menerusi Perspektif Teori SPB4K. Kajian mereka berfokuskan kepada mengenal pasti isu-isu atau peristiwa dalam skrip cerita-cerita pilihan Mak Yong berkenaan. Dalam pada itu, kajian ini juga dijalankan untuk menganalisis isu-isu atau peristiwa menggunakan empat elemen pemikiran Teori SPB4K (Sistem Pemikiran Bersepadu 4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan pada tahun 2007. Skrip cerita pilihan Mak Yong dijadikan sumber sandaran

dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati 4 aspek pemikiran yang terkandung dalam teori SPB4K dapat memenuhi kajian yang dijalankan. Perbezaan kajian ini dengan kajian yang saya jalankan ialah dari aspek karya yang dipilih. Justeru itu, kajian ini penting sebagai bahan rujukan bagi penyelidik lain menganalisis berkaitan Mak Yong.

Demikian juga Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim dan Hasmawati Hassan (2016) dari Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia melalui kajian Pemikiran dalam Novel Sebalik Yamashita dan Percivel. Secara kontekstual, pemikiran pengarang penting bagi mengkaji perkara yang melibatkan idea-idea pengarang dalam sesebuah karya. Kajian ini bermatlamat mengkaji aspek pemikiran pengarang dalam novel Sebalik Yamashita dan Percivel karya Shaari Isa yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia pada tahun 2015. Gambaran dan rangkuman warna warna kehidupan manusia yang disusun dan dzhahirkan dalam bentuk baris-baris ayat sehingga menjadi satu naratif yang lengkap dan sempurna merupakan isu yang cuba dibawa dalam kajian ini. Kaedah kajian ini dijalankan secara kualitatif. Hasil kajian mendapati pemikiran kolonialisme dan imperialisme yang dipamerkan oleh pengarang, pemikiran politik dan kepimpinan, dan pemikiran sejarah terkandung dalam dua buah novel yang dipilih. Kajian ini berkepentingan untuk menunjukkan bahawa pemikiran dan stail yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya terutamanya novel. Kajian ini memberi perbezaan dalam novel yang digunakan dan teori.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa (2019) daripada Jabatan Kesusasteraan Melayu Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaysia iaitu Pemikiran Faisal Tehrani berdasarkan novel-novel pilihan. Kajian bermatlamatkan kepada menganalisis aspek pemikiran yang digarap, dikupas dan dibentangkan dalam

novel-novel awal hingga novel mutakhirnya. Novel Faisal Tehrani yang dipilih dalam kajian ini ialah novel Perempuan Politikus Melayu (2000), 1511H [Kombat] (2004), Surat-surat Perempuan Johor (2005), Tunggu Teduh Dulu (2010), Bahlut (2010) dan Bagaimana Anyss Naik Ke Langit? (2016) . Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran-pemikiran yang menjadi fokus dalam novel-novel, adalah pemikiran sosioekonomi, politik dan kepimpinan, keagamaan dan sisi sosial. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah kajian ini menggunakan novel-novel hasil karya Faisal Tehrani berbanding saya yang cuba mencungkil pemikiran Shahnnon Ahmad.

Demikian juga, Farra Humairah Binti Mohd (2016) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) dari Universiti Putra Malaysia. Kajian yang mereka lakukan bertajuk Pemikiran Kerohanian dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif Kepada Kanak-kanak. Faktor utama kajian ini dilakukan untuk penelitian aspek pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir. Kajian-kajian ini dilakukan untuk mengklasifikasikan unsur-unsur pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan bagi menganalisis unsur-unsur pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. Bukti dari hasil kajian mendapati cerpen kanak-kanak mutakhir yang dipilih ini sememangnya mempunyai unsur pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan untuk menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak, namun konsep sastera kanak-kanak dan psikologi kanak-kanak kurang dititikberatkan. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah penggunaan jenis karya kerana kajian ini memilih cerpen kanak-kanak berbanding saya menggunakan novel dalam kajian.

Turut mengkaji ialah Noor Hazwany Haji Arifin dan Noryamisma Ismail menjalankan kajian keatas Pemikiran Marzuki Ali dalam ‘Khazanah Segala Rimbun’ dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu pada tahun 2014. Kajian ini membincangkan tentang Mengenal pasti pemikiran dalam Khazanah Segala Rimbun karya Marzuki Ali dan menganalisis pemikiran dalam Khazanah Segala Rimbun karya Marzuki Ali dari aspek Teori Pengkaedahan Melayu. Metodologi yang digunakan bagi mencapai objektif kajian ini ialah dengan kaedah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu kerana sesuai dengan pemikiran Marzuki Ali dalam menghasilkan karya buku puisi ‘ Khazanah Segala Rimbun’ yang mengenai alam persekitaran di samping dapat mencungkil mesej, pengajaran dan estetika yang akan menilai. Perbezaan kajian ini dengan kajian yang saya lakukan ialah perbezaan teori.

Dapatan kualitatif memperlihatkan pemikiran yang terdapat karya fiksi Hamka merupakan pemikiran yang bertalian dengan semangat nasionalisme, antidiskriminasi, dan eksistensi perempuan. Hamka bukan sahaja seorang penulis namun sebagai pemikir, seorang sejarawan dan munasafir dalam mencari ilmu. Armini Arbain (2017) dari Fakultas Ilmu Budaya Universitas Andalas menjalankan kajian keatas Pemikiran HAMKA dalam Novel-novelnya. Sebuah Kajian Sosiologis. Kajian ini membincangkan tentang pemikiran Hamka yang terdapat dalam novel-novelnya.

Selain itu, Jurnal Hadenan Bin Towpek dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Sarawak, Malaysia menjalankan kajian yang bertajuk Pemikiran Ekonomi Syeikh Daud al-Fatani pada tahun 2018. Kajian ini menggunakan karya kitab Furu’ al-Masa’ildan relevansinya dengan kontrak perbankan Islam di Malaysia sebagai sumber melihat pemikiran Syeikh Daud al-Fatani. Penganalisaan data yang didapati bersifat kualitatif. Kajian ini membincangkan 5 objektif iaitu analisis mengenai biografi Syeikh Daud al-Fatani dari

pelbagai sudut menunjukkan beliau adalah seorang ulama Melayu Nusantara yang terbilang sepanjang zaman, meneliti secara khusus bidang pemikiran ekonomi Islam dari sudut konsep, evolusi, idea-idea dan tokoh, analisis khusus terhadap kitab Furu'al-Masa'ilkarya Syeikh Daud al-Fatani dengan menumpukan kepada pengenaltastian metode penulisan fiqh, perumusan ciri umum akad muamalat, dan pengenaltastian konsep ekonomi, meneliti secara khusus akad muamalat yang utama dalam perbankan Islam Malaysia dan analisis relevansi akad muamalat menurut Syeikh Daud al-Fatani dengan akad muamalat perbankan Islam Malaysia. Hasil dapatan kajian memperoleh lima penemuan penting mengenai pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani dalam Furu'al-Masa'ildan aspek-aspek relevansinya dengan amalan perbankan Islam Malaysia. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah pengarang.

Berdasarkan jurnal yang dikaji oleh Ahmad Zaidi Baharuddin dan Ani Omar dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu Pemikiran Mana Sikana dalam Drama. Jurnal ini mengemukakan tentang pemikiran Mana Sikana dalam teks-teks drama yang dihasilkannya terhadap sembilan buah drama karya beliau iaitu drama lhsan, Tanah di Hujung Bendang, Pengadilan, Hikmah, Mustaqima, Apa-apa, Di Hujung Taming Sari, Pasir-Pasir di Pasir Salak dan Air Mala Naning berdasarkan tiga zaman iaitu Realisme (1960-1970), Absurd (1980-1990) dan Metasejarah (tahun 2000- 2010) menjadi bahan analisis. Kajian ini menggunakan teori sastera teksdealisme dan berlandaskan 4 prinsip teori iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip keperibadian telah dijadikan kriteria mengukur keunggulan drama-drama Mana Sikana. Dapatan kajian mendapati bahawa drama-drama Mana Sikana mempunyai pelbagai tingkat pengalaman beliau. Beliau telah melakukan pelanggaran terhadap konservasi sastera termasuklah pelanggaran

terhadap aliran, watak dan teknik. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teori yang digunakan.

Dalam pada itu, kajian seterusnya ialah Pemikiran Hatta Azad Khan Dalam teks Drama Muzikal Kampung Baru. Kajian ini dijalankan oleh Madzlan Bin Abet dari Pusat Kebudayaan Universiti Malaya Kuala Lumpur (2016). Kajian ini membincangkan tentang pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama Muzikal Kampung Baru. Objektif utama dalam kajian ini ialah menganalisis pemikiran Hatta Azad Khan dalam drama teks Drama Muzikal Kampung Baru melalui model cerminan teori Marxisme. Selain itu, kajian ini mengkaji persamaan persoalan-persoalan politik dan ekonomi yang terdapat di dalam drama Muzikal Kampung Baru dan realiti Kampung Baru. Bagi objektif yang terakhir untuk kajian ini ialah mengenalpasti nilai-nilai murni yang terdapat di dalam drama Muzikal Kampung Baru dan realiti Kampung Baru. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian mendapati teks drama Muzikal Kampung Baru merupakan refleksi kepada kisah benar yang berlaku di Kampong Bahru di Kuala Lumpur di mana penghasilan karya kreatif itu mempunyai hubung kait dengan penulis. Justeru itu, ia menjadikan Hatta Azad Khan sebagai seorang penulis yang profilik sehingga hari ini kerana beliau gemar mengangkat naskhah yang berkaitan dengan kerencaman social masyarakat marhaen. Kajian ini menggunakan teori Marxisme. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teori yang digunakan.

Di samping itu, artikel yang bertajuk Jejak Intelektual dan Pemikiran Akidah Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan hasil kajian oleh Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad dari Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia. Kajian ini membincangkan tentang pemikiran akidah Muhammad Uthman El-Muhammady yang melibatkan wacana arus perdana iaitu

aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Kajian ini menfokuskan kepada bingkai pemikiran arus perdana, ad-din dan Ruhaniyah Ahli Sunnah Wal-Jamaah telah dianggap memadai bagi mewakili pemikiran akidah beliau. Data yang didapati daripada kajian menyatakan bahawa beliau adalah pejuang tegar aliran arus perdana dalam kalangan ilmuwan Nusantara. Beliau merungkai penyelesaian dengan cara yang bijaksana menerusi ajaran al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas. Pencerahan sahih dan jelas dapat menghindarkan seseorang Muslim dari terpengaruh dengan pemikiran agama dan falsafah moden. Perbezaan kajian ini dengan saya ialah corak pemikiran pengarang.

Seterusnya kajian mengenai pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dalam kumpulan cerpen Cahaya Pelita Nurani (2015) karya Nazri Hussein oleh Normaizatul Anis Ahmad Halis dan Azhan Mohd Hanafiah dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia pada tahun 2019. Kajian ini berobjektifkan dengan mengklasifikasi pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dan menganalisis pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat yang terdapat dalam enam buah cerita yang dipilih. Data-data dikumpul menggunakan kaedah perpustakaan, menganalisis kandungan teks dan pengaplikasian Pendekatan Kemasyarakatan bagi menguatkan lagi hujah yang ingin disampaikan. Dapatan kajian menunjukkan pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi berdasarkan kepada enam buah cerita yang dipilih membincangkan persoalan kemiskinan dan penindasan, kesamarataan hak, pembangunan, pekerjaan dan perbandaran sesuai diterapkan dengan Pendekatan Kemasyarakatan. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teks yang digunakan.

Sebuah tesis yang dikaji oleh Masrizayu Mustafa (2006) yang bertajuk pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim. Kajian ini membincangkan tentang pemikiran

Khadijah Hashim dalam 10 buah novel hasil karya beliau. Objektif kajian ialah untuk menganalisis dan membincangkan aspek-aspek pemikiran yang diutarakan oleh Khadijah Hashim dalam novel-novel yang dijadikan bahan kajian, untuk mengenal pasti dan membincangkan pemikiran yang paling dominan dalam novel-novel Khadijah Hashim yang dijadikan bahan kajian dan untuk mengenal pasti dan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemikiran Khadijah Hashim dalam novel-novel yang dikaji. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teks novel yang digunakan.

Seterusnya, sebuah artikel dari Indonesia yang bertajuk pemikiran ekonomi islam M. Umer Chapra dikaji oleh Anindya Aryu Inayati dari Pesantren Pemikiran Islam, Padepokan Ilir-Ilir Karangpandan Karanganyar Jawa tengah. Kajian ini membincangkan pemikiran M. Umer Chapra dalam bidang ekonomi. Hasil kajian mendapati keunggulan dari pemikiran M. Umer Chapra adalah kemampuannya memadankan antara konsep-konsep ekonomi Barat dengan nilai-nilai Islam dan penulis menemukan pemikiran ekonomi Chapra merupakan perpaduan antara ilmu-ilmu tradisional, ilmu agama dan ilmu ekonomi modern. Pemikirannya didominasi oleh bidang perekonomian makro karena ia banyak berkecimpung di dunia perekonomian negara. Di antara pemikirannya adalah mengenai konsep falah, hayyah thayyibah, dan tantangan ekonomi umat Islam, kebijakan moneter, lembaga keuangan syariah yang lebih ditekankan kepada bank sentral dan kebijakan-kebijakannya, serta konsep negara sejahtera menurut Islam.

Jurnal Pemikiran Pendidikan Islam Buya HAMKA yang dikaji oleh Muhammad Alfian dari Program Studi Pendidikan Agama Islam, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Kerinci. Kajian ini mengkaji pemikiran pendidikan islam Buya Hamka, mengawal dan mengembangkan pendidikan keislaman sesuai dengan keadaan zaman.

Dapatan kajian mendapati Dalam pemikiran pendidikan Islam Hamka, ditemukan sebuah pemikiran konkrit mengenai pentingnya hubungan dari berbagai alat pendidikan ini. Tujuan pendidikan, yang menurut Hamka untuk mengantarkan peserta didik pada pintu kebahagiaan dunia dan akhirat, pada terbentuknya peserta didik menjadi seorang abdi Allah yang taat, tidak akan bisa terealisasi, jika tidak ada kerja sama antara pendidik, yang dalam hal ini orang tua, guru dan masyarakat. Keharmonisan hubungan antar pendidik ini, merupakan sebuah hal yang sangat penting untuk mencapai tujuan pendidikan tersebut.

Selain itu, artikel yang bertajuk Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu dikaji oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia pada tahun 2011. Kajian ini berfokuskan kepada untuk mengenal pasti hubungan bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu menggunakan hipotesis Sapir-Whorf. Data peribahasa dikumpul daripada empat buah teks peribahasa Melayu iaitu Kitab Kiliran Budi, Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, 1001 Peribahasa Melayu, dan Peribahasa SPM. Hasil kajian mendapati peribahasa Melayu memaparkan pemikiran Melayu dalam lima kategori falsafah iaitu pemikiran tentang kewujudan (metafizik), pemikiran tentang ilmu pengetahuan (epistimologi), pemikiran tentang moral manusia (etika), pemikiran tentang penaakulan manusia terhadap alam ini (logik), dan pemikiran tentang keindahan (estetika). Kajian ini menggunakan Teori Relativiti Linguistik dan Hipotesis Sapir-Whorf bagi mencapai matlamat kajian. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teori yang digunakan.

Dalam pada itu, kajian yang dijalankan oleh Awaludin Asep (2017) bertajuk Pemikiran Hamka tentang Filsafat Hidup. Kajian ini membincangkan tentang apakah filsafat hidup ? bagaimana pemikiran Hamka tentang Filsafat Hidup ?

dan bagaimana pandangan filsafat Hidup Hamka tentang kehidupan moden? . Kaedah kajian digunakan ialah kaedah pengumpulan data-data dari perpustakaan atau lebih dikenali kaedah kualitatif. Menurut Hamka, kehidupan pada zaman sekarang ini sudah memasuki kehidupan modern. Kehidupan yang serba mengikuti gaya kebarat - baratan, baik itu dari segi makanan, pola fikir, pakaian, maupun perilaku. Kehidupan pada masa kini sangatlah jauh berbeda dengan kehidupan pada masa lampau. Demikian kesimpulan yang mampu disimpulkan oleh penulis.

Kajian yang bertajuk Novel Mencari Cahaya : Penelitian Pemikiran Islam Dalam Lensa Teori Takmilah dikaji oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nur 'Aina Syahirah Binti Azmi dari Universiti Sultan Zainal Abidin pada tahun 2018. Fokus kajian ini ialah mengenal pasti konsep pemikiran Islam yang dilihat dari sisi kemanusiaan melalui peranan watak, membincangkan novel Mencari Cahaya sebagai sebuah karya yang bertepatan dalam konsep penyampaian ilmu dan memperlihatkan nilai-nilai kemanusiaan sebagai cerminan watak yang mendukung ciri-ciri insan Kamil. Kajian ini dijalankan dengan secara kualitatif dan menggunakan teori Takmilah sebagai landasan penganalisisan. Hasil kajian mendapati bahawa Novel Mencari Cahaya karya Salina Ibrahim banyak menampilkan ilmu ketauhidan dalam laras penulisan kreatif. Ketertiban pengarang dalam menggarap hasil karya penulisannya tidak sekadar bersandarkan leka hiburan kepada khalayak semata-mata, namun setiap plot perjalanan cerita yang berlaku disaring selidik berlandaskan unsur kemanusiaan dan kejiwaan yang selaras dengan ketinggian akhlak. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teori yang digunakan.

2.2 KAJIAN LITERATUR BERKAITAN DENGAN SHAHNON AHMAD

Berpandukan pada kajian saya iaitu Shahnnon Ahmad, Azhar Bin Mohd Ali dari USM melakukan kajian Pemikiran Politik dan Pembinaan Negara Bangsa dalam Novel Terpilih Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya: Satu Kajian Bandingan pada tahun 2009. Kajian ini meneliti dua belas novel terpilih karya Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya. kajian ini meneliti pemikiran politik dan pembinaan negara bangsa di dalam novel-novel berkenaan. Lima konsep pemikiran politik moden daripada Tudor Jones telah digunakan. Lima konsep tersebut ialah kedaulatan, tanggungjawab politik, kebebasan, hak-hak manusia dan kesamaan. Kajian mendapati novel-novel yang diteliti membincangkan konsep kedaulatan, tanggungjawab politik, kebebasan, hak-hak manusia dan kesamaan. Walau bagaimanapun, tidak semua pecahan daripada konsep-konsep itu dibincangkan. Perbezaan kajian ini dengan saya ialah novel yang digunakan.

Artikel Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmiadari Aspek Teori Estetika Bersepadu yang dikaji oleh Noor Hazwany Haji Arifin dan Salmah Jan Noor Muhammad dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2019. Kajian ini berobjektifkan mengenal pasti nilai estetika melalui pemikiran dalam novel siber yang dipilih iaitu Kasih Darmia karya Naniey TJ dan menganalisis nilai estetika melalui pemikiran dalam novel siber Kasih Darmiadari aspek teori Estetika Bersepadu. Kajian ini menerapkan Teori Estetika Bersepadu bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran novel siber Kasih Darmia, dapat dilihat keindahan dalaman yang menjawab persoalan estetika dan mutu yang terdapat dalam karya sastera di alam siber dengan menerap teori yang digunakan. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teori yang digunakan.

Tesis yang bertajuk Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran IBN Khaldun: Suatu Kajian Terhadap Elemen-elemen Kemasyarakatan Islam (2008) dikaji oleh Syarul Riza dari Universiti Sains Malaysia bagi memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera beliau. Kajian ini berobjektifkan kepada untuk mengkaji teori pendidikan Islam menurut pemikiran Ibn Khaldun selain itu untuk menganalisis elemen-elemen kemasyarakatan yang utama berdasarkan pemikiran Ibn Khaldun dan untuk mengkaji aspek-aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam proses pendidikan menurut Ibnu Khaldun. Data-data dikumpul dengan kaedah perpustakaan atau lebih dikenali sebagai kaedah kualitatif yang bersifat tekstual dan kontekstual. Hasil dapatan kajian mendapati bn Khaldun juga telah berjaya membangunkan teori-teori pendidikan dalam karyanya yang sama. Selain itu, Ibn Khaldun menyarankan supaya pendidikan yang bermartabat dan bermatlamat tinggi haruslah memerhatikan elemen-elemen kemasyarakatan dalam proses pembelajaran dan pengajaran, baik manusia sebagai anggota masyarakat yang suka kepada perkembangan dan perubahan serta masyarakat yang selalu siap dengan perbezaan sesama mereka, kerana ini semua akan menjadi sarana pendokong dalam dunia pendidikan. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teks yang digunakan.

2.3 KAJIAN LITERATUR BERKAITAN DENGAN TEORI SPB4K

Teori SPB4K telah diaplikasikan dalam beberapa kajian penyelidikan tempatan terutamanya bagi kajian yang merungkai pemikiran pengarang dalam sesebuah karya. Teori SPB4K ini telah diaplikasikan oleh Siti Khariah Binti Mohd Zubir dan Siti Aisyah Binti Abdullah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Artikel mereka bertajuk Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk Membangunkan Sahsiah Belia yang dikaji pada tahun 2015. Objektif kajian ini lebih menjurus ke arah.Mengenal pasti pemikiran penulis dalam

membangunkan sahsiah belia dalam karya yang dipilih dan menganalisis pemikiran penulis dalam karyanya untuk membangunkan sahsiah belia. Kaedah kualitatif digunakan bagi mengumpul data-data kajian ini. Kajian ini menggunakan Teori SPB4K untuk menganalisis pemikiran Khadijah Hashim di dalam karya-karya beliau sendiri. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa 4K memenuhi pemikiran Khadijah Hashim dalam menghasilkan karya-karya beliau. Kajian ini memberi perbezaan dalam dengan penggunaan novel yang digunakan.

Kajian seterusnya melalui jurnal yang dijalankan oleh pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu Siti Khariah Binti Zubir pada tahun 2015 yang bertajuk Pembangunan Sahsiah Belia dan Teori SPB4K dalam novel Nisah Haron. Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif iaitu mengenal pasti pemikiran Nisah Haron untuk membangunkan sahsiah belia dalam karya dan menganalisis pemikiran Nisah Haron dalam novel Melayu Tewarikh Cinta dan Lentera Mustika. Kajian ini memilih Teori SPB4K sebagai panduan untuk menganalisis novel hasil karya Nisah Haron. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran saintifik dan pemikiran kreatififan ditemui dalam diri pengarang Nisah Haron yang berkemampuan berbahasa, cekap mengira dan pembacaan puisi. Perbezaan kajian ini dengan kajian yang saya lakukan ialah perbezaan novel.

Demikian juga, berdasarkan jurnal Pembinaan Modal Insan Dalam Novel Komsas Kembara Amira Karya Amer Hmzah L. Kadir yang dikaji oleh Mohd. Faizal Said daripada Jabatan Kesusasteraan Melayu dan Ani Omar. Kajian ini memberi fokus kepada menganalisis pembinaan modal insan dalam novel Kembara Amira karya Amir Hmzah L. Kadir yang merupakan salah sebuah novel Komsas untuk Tingkatan Lima Zon Utara. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang dijana oleh Mohd Yusof Hassan (2007) akan digunakan. Kaedah kajian yang digunakan ialah

teknik bacaan rapi dan seterusnya menganalisis isi (content analysis) dengan mengaplikasikan empat pemikiran dalam Teori SPB4K ke atas novel untuk meneliti pembinaan modal insan. Hasil kajian menunjukkan pengarang berjaya merangkumkan keempat-empat pemikiran SPB4K dalam usaha mengangkat keperibadian terpuji Amira. Ini membuktikan bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran, para guru boleh mengangkat Amira sebagai ikon modal insan yang boleh dicontohi oleh pelajar dengan menganalisisnya menerusi pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah teks novel yang digunakan.

Bersandarkan kepada Teori SPB4K Kajian Unsur Sains dan Sastera dalam novel remaja terpilih (2019) dijalankan dalam mencapai beberapa objektif kajian. Kajian ini dijalankan oleh Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi nrafida dari Universiti Putra Malaysia, Antara objektif kajian ini ialah mengklasifikasi unsur sains dan sastera yang terdapat dalam novel remaja terpilih, menganalisis unsur sains dan sastera yang terdapat dalam novel remaja terpilih berdasarkan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) dan merumuskan unsur sains dan sastera yang dominan dalam novel remaja terpilih. Bagi pengumpulan data kajian kaedah kualitatif digunakan dalam penelitian kajian. Hasil kajian mendapati bahawa unsur sains antaranya sains gunaan dan sains zoologi manakala unsur sastera seperti nilai-nilai murni, pemikiran, emosi dan gaya bahasa amat relevan dengan empat prinsip yang terdapat dalam teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K) iaitu Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan. Perbezaan kajian ini dengan kajian saya ialah novel yang digunakan.

2.4 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian-kajian lepas, beberapa penyelidik telah menyelesaikan kajian mereka tentang pemikiran-pemikiran pengarang dan sesebuah karya sastera. Kajian mereka telah memberi pandangan yang bernas dan membuka peluang untuk penyelidik lain menjadikan kajian mereka sebagai rujukan. Kewujudan kajian lepas ini telah banyak memberi manfaat untuk mendalami karya sastera dalam pelbagai perspektif penyelidik.

Selain itu, pengaplikasian teori SPB4K juga menjadi satu nilai tambah untuk para penyelidik. Mengkaji pemikiran seseorang pengarang atau sesebuah karya dengan mengaplikasikan teori SPB4K dapat meneliti empat pemikiran yang menjadi tunjang utama dalam teori tersebut iaitu pemikiran ketuhanan, kebitaraan, kekreatifan dan kesaintifikan. Justeru itu, dengan kehadiran prinsip-prinsip tersebut dapat merungkai pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah*.

Penelitian kajian-kajian lepas telah dibuktikan oleh para penyelidik bahawa pemikiran-pemikiran pengarang dan sesebuah karya telah memberi satu impak yang besar kepada masyarakat. Secara tidak langsung mendidik masyarakat supaya sedar daripada sering melakukan kesilapan yang sama. Prinsip ketuhanan di dalam teori SPB4K menjadi asas utama teori ini merungkai pemikiran yang ada. Oleh hal yang demikian, penyelidik lebih menekankan prinsip ketuhanan di dalam kajian ini. Justeru itu, kajian-kajian lepas yang menyentuh teori SPB4K memainkan peranan utama dalam kajian ini.

Novel *Sampah* menjadi sumber utama dalam kajian ini. Oleh yang demikian, kajian-kajian lepas yang meneliti pemikiran dalam sesebuah novel penting menjadi

rujukan kepada pengkaji. Hal ini bagi melihat bagaimana penyelidik lepas menghuraikan dan menyelesaikan kajian mereka dengan jayanya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI

3.0 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan metodologi dan pendekatan yang digunakan bagi memantapkan lagi kajian ini. Metodologi kajian sangat penting agar penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji berjalan lancar kerana memilih kaedah yang bersesuaian dengan kajian yang dipilih serta memberi kesan terhadap permasalahan kajian. Justeru itu, Kajian menerangkan tentang kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk mengenalpasti konsep nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dan memahami pemikiran Shahnon Ahmad dalam novel Sampah serta menganalisis pemikiran kerohanian yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan manusia. Di samping itu, kajian ini adalah berbentuk deskriptif kualitatif. Aspek yang digunakan bagi kajian ini adalah dengan membuat pengumpulan data dan pendekatan teori yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis terhadap kandungan teks iaitu menerusi novel Sampah karya Shanon Ahmad.

3.1 METODOLOGI KAJIAN

Skop kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif atau dengan makna lain kajian ini bersifat kaedah interpretasi digunakan untuk menghuraikan tentang maksud tersirat yang terdapat di sebalik unsur-unsur konsep kehidupan masyarakat yang miskin, gelandangan dan pengemis. Kajian ini berbentuk deskriptif kerana ianya paling sesuai dalam menganalisis dengan teliti dan mendalam tentang sesuatu perkara yang lebih detail.

Analisis verbal merupakan analisis yang memberikan penekanan terhadap penelitian dan juga pemerhatian terhadap teks. Analisis ini diguna pakai bagi melihat unsur-unsur konsep kekayaan dan pemikiran Shahnnon Ahmad yang terdapat dalam novel Sampah.

a) Bacaan/memoing

Melalui kajian ini, pembacaan sangat penting bagi memahami apa yang dikaji. Teks novel Sampah menjadi teras utama dalam bacaan serta bahan-bahan kajian lain seperti artikel, jurnal, penulisan ilmiah dan tesis sebagai data kualitatif. Bacaan ini penting bagi meneliti konsep kekayaan manusia yang miskin dan corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah serta melihat pemikiran kerohanian yang terdapat dalam teks novel tersebut. Memahami dan menghayati setiap apa yang pengarang novel cuba sampaikan kepada masyarakat tentang manusia yang miskin.

Dapatan kajian mendapati bahawa novel Sampah hasil karya Shahnnon Ahmad ini sememangnya terdapat kisah manusia yang miskin dan hidup sebagai pengemis namun disebalik kemiskinan dia terdapat nilai kekayaan yang dia tahu dalam kehidupannya sebagai seorang pengemis atau gelandangan. Novel Sampah ini mengandungi 103 halaman dan mengisahkan tentang seorang pengemis.

b) Penerangan

Bagi teknik penerangan kajian ini dilakukan berdasarkan kepada teks novel Sampah karya Shahnnon Ahmad sebagai asas kajian. Melalui bahagian penerangan, pengkaji akan cuba untuk menerangkan konsep nilai kekayaan bagi manusia yang miskin dan corak pemikiran Shahnnon Ahmad serta pemikiran kerohanian yang terkandung di dalam novel tersebut.

Proses penerangan ini memainkan peranan yang penting dalam sesebuah kajian yang diperolehi dari bacaan teks dan bahan-bahan rujukan. Oleh itu, proses penerangan akan menunjukkan sebuah gambaran yang jelas tentang kajian yang dilakukan oleh pengkaji tentang pemikiran Shahnnon Ahmad dengan mengaplikasikan teori SPB4K.

c) Pengelasan

Bagi bahagian pengelasan pengkaji akan memberi setiap bahagian mengikut kategori yang tertentu. Pengelasan ini dilakukan bagi memberi satu kemudahan dan pemahaman pengkaji secara menyeluruh tentang kajian. Di dalam bahagian pengelasan ini akan digunakan teknik pengelasan iaitu dengan cara mengelaskan data-data yang terkumpul kepada unit-unit kecil dengan tema ke dalam kategori tertentu.

Kaedah kajian yang dilakukan bagi melakukan pengelasan adalah dengan cara kualitatif.

d) Pentafsiran

Bagi sesebuah kajian pentafsiran merupakan bahagian terakhir yang perlukan dilakukan selepas melakukan aktiviti bacaan.

3.2 TEORI SPB4K

Teori SPB4K juga dikenali Teori Pemikiran Bersepadu Pemikiran 4K yang diasaskan oleh Mohd Yusof Hassan. Beliau merupakan seorang tutor, guru dan pensyarah di Universiti. Kejayaan beliau menjadi seseorang profesor telah membuktikan dalam bidang kesusasteraan dengan hasil-hasil karya beliau sendiri serta mencipta satu teori yang mampu memberi satu nafas yang baharu kepada karya-karya sastera berkembang. Teori SPB4K ini memiliki empat prinsip iaitu ketuhanan, kesaintifikan, kebitaraan dan kekreatifan.

3.2.1 Prinsip Ketuhanan.

Pemikiran kerohanian merupakan salah satu prinsip ketuhanan yang membawa pemikiran yang syahdu martabatnya, kudus sifatnya, tinggi darjatnya dan suci murni. Pemikiran kerohanian ini dikatakan suci murni kerana ia mempunyai unsur-unsur seperti keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Pemikiran ini dianggap sebagai pemikiran keimanan kerana ia menggambarkan kepercayaan manusia 6 dan falsafah yang sangat jelas sehingga dianggap sedemikian. Teori Sistem Bersepadu Pemikiran 4K dalam pemikiran rohani ini juga dapat menjelaskan dan memaparkan satu perantaraan hubungan atau komunikasi antara manusia iaitu melalui secara vertikal kerana manusia sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini yang hidup sentiasa berhubung dengan Allah secara terus. Hubungan manusia sesama manusia dan alam adalah satu hubungan manusia secara horizontal (Mohd Yusof Hassan, 2007).

3.2.2 Prinsip Kebitaraan.

Perkembangan otak manusia yang boleh membawa manusia memiliki kemahiran seperti kepandaian, kebestarian, kegemilangan dan juga kecemerlangan. Kesemua kemahiran ini adalah melibatkan dan berkaitan dengan pemikiran kebitaraan.

Pemikiran dan perkembangan ini adalah merupakan perkara penting yang terjadi pada awal kejadian manusia iaitu sejak dari dalam kandungan rahim ibu sehingga meningkat kepada zaman kanak-kanak. Bermula dengan satu perkahwinan antara suami dan isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak ialah menjadi satu kepentingan asas agama islam dalam membina keluarga. Dengan penggunaan pemikiran kebitaraan di dalam karya sastera, adalah untuk menampilkan watak-watak yang bijaksana, cemerlang dan hebat. Dengan perwatakan yang dibawa dapat menggambarkan dengan jelas dari segi peranan dalam karya seperti watak yang sentiasa positif sebagai contoh dapat menangani konflik dan ini menjadi satu inspirasi dan juga teladan kepada pembaca. (Nur Hasimah Bt Ismail, 2014:180)

3.2.3 Prinsip Kesaintifikan.

Pemikiran kesaintifikan pula lebih merujuk kepada satu pemikiran yang sentiasa bersifat logik, membawa kepada kebenaran dalam saintifik, kepastian, ketepatan dan boleh juga dalam penggunaan fakta dan angka. Dengan lebih jelas lagi, melibatkan kegiatan harian manusia seperti penulisan, pembacaan, pertuturan dan pendengaran kerana setiap manusia harus menggunakan ilmu logik. Ilmu logik yang dimaksudkan ialah seperti membuat satu keputusan, idea atau fakta ini ialah satu proses yang menyeluruh dan seterusnya menjadikan satu keputusan merujuk kepada bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Karya yang berteraskan kepada pemikiran kesaintifikan ini haruslah mengemukakan latar belakang, latar tempat yang indah atau benar-benar wujud, latar masa yang sesuai dan fakta yang jelas.

3.2.4 Prinsip Kekreatifan.

Pemikiran kekreatifan adalah satu pemikiran yang memerlukan idea-idea yang kreatif dan juga membawa maksud kepada inovatif, idea baharu, kesenian, keindahan serta kecantikan. Bagi sesetengah manusia yang mempunyai sifat yang estetik serta mempunyai falsafah, pemikiran ini sangat bersesuaian bagi pengkarya kerana pemikiran ini juga bersifat kesusasteraan dan berseni. Pemikiran kreatif ini juga boleh digunakan untuk menganalisis 7 teknik, bahasa, plot dan gaya di dalam karya. Pengkarya juga boleh menghasilkan karyakarya yang lebih yang lebih bagus dengan menggunakan idea-idea baru yang kreatif dan seterusnya dapat menghasilkan karya yang dapat menarik minat dan sebuah karya yang mudah difahami oleh pembaca.


3.3 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan berkaitan dengan konsep kekayaan seseorang manusia yang miskin dan pemikiran Shahnnon Ahmad di dalam novel Sampah. Reka bentuk kajian didefinisikan sebagai struktur logik sesebuah kajian. Reka bentuk kajian akan menjadi asas kepada sesebuah kajian untuk melihat data-data yang diperlukan, daripada siapa dan bagaimana menjawab persoalan kajian. Secara amnya reka bentuk kajian akan memberi kesan kepada kekuatan sesebuah kajian kerana kunci utama dalam menyelesaikan kajian dengan kaedah yang betul.

Bagi kajian ini, kaedah deskriptif kualitatif digunakan bagi mencapai objektif kajian. Kaedah kualitatif digunakan dalam penelitian penggunaan teks, maka reka bentuk kajian yang sesuai dengan kajian ini adalah dengan kaedah perpustakaan dan kaedah internet. Kaedah kualitatif digunakan bagi menganalisis konsep kekayaan seseorang manusia yang miskin dan pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah. Hal ini seiring dengan objektif kajian di dalam bab satu. Menurut pernyataan Brown & Dowling 1998 kajian kualitatif ini menekankan kepada penghasilan makna.

Oleh itu, pengumpulan data sangat penting bagi menghuraikan setiap analisis kajian yang terdapat di dalam novel Sampah dengan mengaplikasikan Teori SPB4K. Pengkaji turut menggunakan kaedah perpustakaan bagi mendapatkan bahan rujukan serta bahan-bahan seperti artikel, jurnal dijadikan sebagai bahan rujukan juga.

3.4 KERANGKA KONSEPTUAL



3.5 KETERANGAN KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual di atas ini dibentuk bagi memudahkan lagi pengkaji untuk melihat konsep kekayaan manusia yang miskin dan corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah beliau yang membawa tema kemiskinan seorang pengemis atau gelandangan. Berdasarkan pada kerangka konseptual ini konsep kekayaan seseorang

manusia yang miskin dan pemikiran Shahnon Ahmad adalah bertuntaskan kepada teori SPB4K iaitu prinsip kerohanian. Di sini dapat kita lihat konsep kekayaan manusia yang miskin ini mengapa dilihat sampah kepada masyarakat sedangkan mereka tidak minta untuk ditakdirkan jadi seperti itu. Selain itu, corak pemikiran Shahnon Ahmad juga akan dirungkai dengan prinsip kerohanian

3.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dalam bab ini telah membincangkan tentang metodologi kajian, pendekatan yang digunakan terhadap kajian, penggunaan teori SPB4K, Reka bentuk kajian, kerangka konseptual dan juga keterangan terhadap kerangka konseptual yang akan dijadikan sebagai salah satu asas bagi menganalisis teks kajian iaitu cerpen-cerpen terpilih untuk mencapai objektif kajian. Metodologi yang telah diperincikan melalui bab ini diteliti bagi mendapatkan hasil dan juga dapatan yang jitu bagi memenuhi objektif kajian ini.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini akan membentangkan tentang analisis dan dapatan kajian yang diperolehi oleh menerusi kajian ini dengan mengaplikasikan teori SPB4K. Analisis kajian dibincangkan dengan menggunakan prinsip kerohanian yang terdapat di dalam teori SPB4K bagi mencapai objektif kajian. Kajian ini akan membincangkan pemikiran

Shahnon Ahmad menerusi novel *Sampah* dengan mengaplikasikan teori SPB4K. Oleh yang demikian, pemikiran Shahnon Ahmad di dalam novel *Sampah* telah diteliti dan dianalisis secara mendalam agar dapat menjawab segala persoalan kajian. Dalam pada itu, melalui kajian ini dapat merungkai keperibadian dan mesej yang cuba Shahnon Ahmad sampaikan kepada masyarakat dalam novel *Sampah* melalui prinsip kerohanian.

4.1 KONSEP NILAI KEKAYAAN SEBENAR DALAM KEHIDUPAN MANUSIA YANG MISKIN DARI SEGI ZAHIRNYA

Berdasarkan objektif yang diketengahkan oleh pengkaji iaitu mengenalpasti konsep nilai kekayaan sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dari segi zahirnya. Objektif ini akan membincangkan tentang soal kekayaan yang menjadi satu jurang antara manusia yang berharta dan tidak mempunyai harta. Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan perkataan kaya membawa erti iaitu orang yang mempunyai harta benda yang banyak, mempunyai kedudukan yang tinggi dan pangkat serta dihormati oleh masyarakat kerana kekayaan. Di dalam novel *Sampah* hasil penulisan Shahnon Ahmad dapat dirungkai tentang kekayaan manusia yang memandang harta sebagai satu bentuk penghormatan dan jarak jurang antara manusia yang memandang taraf seseorang. Oleh yang demikian manusia akan memandang manusia yang lemah tanpa harta sebagai satu bentuk penghinaan.

4.1.1 MANUSIA MEMANDANG KEKAYAAN SEBAGAI SATU PENGHORMATAN

Menurut Kamus Dewan hormat bermaksud mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang penuh sopan, khidmat, takzim. Makna hormat atau penghormatan ialah mempunyai pandangan yang tinggi terhadap

seseorang dengan memberi layanan yang penuh sopan, khidmat dan takzim. Penghormatan ini lebih ke arah perbuatan atau kelakuan manusia untuk memberi layanan yang penuh kepada seseorang yang mempunyai nilai kepada individu, masyarakat atau negara. Perbuatan hormat atau memberi penghormatan kepada seseorang selalunya melibatkan orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi, mempunyai harta dan kaya raya, tetamu, para parajurit negara dan orang yang mempunyai jasa kepada negara. Perbuatan hormat boleh terjadi dalam pelbagai situasi bergantung kepada material, sosial, politik, agama, intelek, professional dan sentimental.

Di dalam agama islam nilai hormat menghormati sesama manusia sangatlah penting bagi menjaga keamanan sejagat. Islam menggalakkan norma hormat menghormati sebagai satu akhlak yang baik dan perlu dihidupkan dalam kalangan masyarakat. Walaubagaimanapun, dalam kalangan manusia memandang kekayaan adalah satu simbol untuk masyarakat menghormati mereka yang mempunyai kekayaan sangat sinonim. Hal ini kerana masyarakat memandang hormat atas daya usaha mereka bekerja sehingga mampu menjadi kaya raya.

Selain itu, terdapat juga kekayaan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka yang dahulunya orang kaya dan mempunyai harta kekayaan yang banyak. Dalam pada itu kedudukan dan pangkat juga menjadi satu titik tolak untuk masyarakat mengukur kekayaan seseorang manusia itu. Berbeza pula dengan golongan pertengahan dan golongan yang benar-benar miskin dan papa kedana. Di dalam novel Sampah karya Shahnnon Ahmad telah menunjukkan bahawa manusia memandang kekayaan sebagai satu bentuk penghormatan. Hal ini jelas telah dibuktikan oleh Shahnnon Ahmad sendiri kerana beliau tahu manusia akan lebih menghormati golongan atasan yang

mempunyai kekayaan tanpa melihat golongan yang tidak mempunyai harta apatahlagi harga diri mereka sering dihina kerana miskin.

*“Yang bergelar ‘Tuan’ perlu diberikan simpati.” Diam membatu.
 “Yang tidak bergelar, semua itu perlu juga diberikan simpati.” Diam membatu juga.
 “Keabadian kau berpunca daripada kemiskinan dan kepapaan.:
 (Novel Sampah,2018:72)*

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa manusia memandang seseorang itu dengan dua keadaan samada penghormatan atau akan memandang hina kepada manusia yang tidak punya apa-apa. Petikan di atas menjelaskan tentang orang-orang yang mempunyai pangkat dan kuasa perlu dihormati dan diberikan belas kasihan namun bagi mereka yang tidak mempunyai apa-apa tidak perlu diberikan belas kasihan apatahlagi menghormati mereka.

Selain itu, layanan mereka terhadap golongan yang miskin juga berbeza dengan manusia yang mempunyai harta benda yang banyak. Manusia mudah terpengaruh dengan persekitaran mereka. Oleh itu, pada pandangan mereka golongan pengemis dan gelandangan ini adalah masyarakat yang tidak berguna. Kehadiran mereka di sekitar bandar dan merempat di mana-mana yang mampu mereka berteduh memberi satu perspektif yang tidak baik kepada masyarakat. Sebagai contoh petikan di bawah menggambarkan situasi layanan masyarakat terhadap golongan pengemis dan gelandangan.

“Apa ada?”

“ Dia ganggu ketenteraman orang ramai tuan.”

“Ganggu orang ramai?”

“Ya, tuan.”

“Macam mana boleh ganggu?”

“Dia ganggu, tuan.”

(Novel Sampah 2018:59)

Petikan di atas menunjukkan bahawa manusia memandangkan dan memberi layanan yang buruk kepada mereka yang tidak mempunyai harta. Bagi mereka golongan seperti ini hanya mendatangkan satu persepsi yang buruk kepada masyarakat. Jika kita meneliti situasi golongan ini, kemiskinan yang mereka hadapi bukanlah sesuatu yang mereka inginkan namun keadaan memaksa mereka untuk menghadapinya tanpa rela.

Dalam pada itu, masyarakat sering melihat golongan pengemis ini sebagai manusia yang mengganggu ketenteraman masyarakat. Sedangkan mereka tidak mengganggu mereka yang sedang menjalani kehidupan yang selesa. Golongan ini hanya meminta simpati mereka untuk sesuap nasi bagi mengisi kekosongan perut mereka yang tidak makan sehari-hari. Bagi mereka yang mempunyai kekayaan jurang mereka untuk melayan golongan miskin ini amatlah hina.

4.1.2 KEKAYAAN SEBAGAI SATU JURANG PEMISAH SESAMA MANUSIA

Berdasarkan kepada kenyataan McLellan (1971:93) menyatakan bahawa satu kelas akan menguasai harta tersebut, manakala kelas lagi satu pula digunakan untuk menghasilkan kekayaan daripada harta tersebut. Lantaran daripada kelas yang terwujud daripada zaman dahulu lagi muncullah perbezaan hierarki kerana pangkat dan kekayaan seseorang telah menjadi satu jarak jurang pemisah antara manusia yang kaya dan miskin. Pertumbuhan pambandan merupakan faktor terjadinya jurang pemisah antara kaya dan miskin.

Jurang dapat didefinisikan sebagai satu perbezaan yang memisahkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Oleh hal yang demikian, faktor kekayaan menjadikan satu perbezaan dengan manusia yang miskin harta. Manusia yang mempunyai harta dan

kekayaan akan terus ditaburi dengan kekayaan manakala golongan manusia yang miskin akan terus menjadi miskin. Ibarat hidup kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Ini kerana mati kelaparan, kekurangan makanan, penyakit dan kekurangan pendidikan dalam kalangan orang ramai boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke lembah penjenayahan untuk menikmati hidup dalam kemewahan (Nor Ghani 1984:168).

Menurut Amir Hussin Baharuddin (2013) menyatakan bahawa golongan pertengahan ialah golongan yang merujuk kepada mereka yang mempunyai pendapatan antara RM2,300 hingga RM7,000 sebulan. Selain itu beliau juga ada menyatakan bahawa golongan pertengahan ini merupakan penggerak utama ekonomi negara. Tanpa golongan pertengahan ini ekonomi negara pastinya akan merundum kerana tenaga kerja daripada golongan pertengahan ini memainkan peranan yang penting. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan sering mengabaikan kepentingan golongan pertengahan ini sehingga menyebabkan ramai golongan pertengahan ini menjadi pengemis dan gelandangan kerana tidak mampu menyara kehidupan sendiri. Dalam pada itu kesihatan mental mereka juga terjejas kerana terlalu memikirkan bagaimana mahu meneruskan kehidupan jika mereka tidak bekerja keras. Akhirnya membawa kepada sakit mental dan dibuang oleh keluarga. Pengakhiran kisah golongan pengemis ini mempunyai cerita tersendiri namun sebagai masyarakat yang prihatin haruslah kita membantu mereka tanpa memikirkan balasan.

Walaupun, novel *Sampah* karya Shahnnon Ahmad ini membahaskan golongan yang benar-benar miskin dan tiada harta, tiada rumah, tiada keluarga dan segala-galanya hanya kekosongan. Mereka ini lebih muda dikenali sebagai pengemis atau gelandangan. Tempat tidur mereka hanyalah di kaki lima, di tepi bangunan, di bawah jambatan, pondok bas dan sebagainya. Makanan mereka hanyalah

mengharapkan simpati masyarakat yang baik hati sudi memberi mereka sesuap nasi sudah memadai bagi mereka untuk meneruskan kehidupan. Petikan di bawah menjelaskan tentang manusia menjadikan jurang antara orang yang kaya dan miskin.

“Jurang amat jauh di antara yang terisi dengan yang tidak terisi. Yang satu timbun-menimbun, limpah-melimpah, leleh-meleleh sehingga terbuang sia-sia begitu saja sedang yang satu lagi terus kering-kontang, selalu dalam keadaan ketandusan,kegersangan dan kepakuman.Sesungguhnya jurang amat jauh. Tetapi, ini pun boleh dikikiskan. Dia boleh mengikis segala nafsu untuk mengisi kekosongannya. Dia pernah melakukannya. Dia boleh kikis segala hasrat itu dari dari segala kemahuan telinga, mata, atau hati sekalipun. Tetapi, apabila di dalam keadaan kekosongan juga dia dikais-kais macam sampah dan bangkai, keradangan begitu cepat membuak keganasan membiak kemarahan.”

(Novel Sampah 2018:92)

Petikan di atas menggambarkan satu bentuk jurang yang menjadi pemisah antara manusia yang mempunyai harta dan tidak mempunyai harta. Mereka yang kaya raya akan terus menjadi kaya kerana dilimpahi dengan pelbagai sumber kekayaan yang mereka miliki. Namun mereka yang tidak bernasib baik akan terus dibelenggu dengan kemiskinan yang tegar.

4.1.3 NILAI KEKAYAAN YANG SEBENAR DALAM KEHIDUPAN MANUSIA YANG MISKIN

Kekayaan menjadi penanda aras seseorang manusia itu untuk dipandang tinggi darjatnya dan dihormati, disegani oleh masyarakat. Namun disebalik nilai kekayaan bagi manusia yang miskin tidak mempunyai harta dapat diteliti melalui hasil penulisan novel *Sampah* Shahnnon Ahmad. Kekayaan yang Hakiki itu Adalah Kaya Akan Jiwa. Dari Abu Hurairah Ra., Nabi Saw, beliau bersabda, "Bukanlah kekayaan itu dengan banyaknya harta dunia, akan tetapi kekayaan yang hakiki itu adalah kaya akan jiwa." Novel Sampah ini merungkai kisah seorang pengemis kaya akan jiwanya meskipun

dirinya dipandang hina oleh masyarakat namun jika dinilai dia lebih berharta berbanding orang yang kaya harta benda dan pangkat.

“ Sesungguhnya dia amat miskin. Tetapi, sesungguhnya juga amat kaya. Dia amat kaya dengan ketenangan dan harapan untuk menemui keabdian itu. Kenikmatannya sulit dihuraikan. Miskin kerana dia tidak ada apa-apa alat deraan hidup. Tetapi masakan tidak ada apa-apa. Ini jariku. Ini kukuku. Kepalaku. Hidungku. Uratku. Jantungku. Darahku. Nadiku. Rohku. Dia cukup malas hendak menghitung segala-gala yang dimiliki. Terlalu banyak. Terlalu kaya. Dan ini juga sanggup menimbulkan kesibukan. Menghitung jari tangan sendi tangan, retak kulit, tompokan parut, kuping kering dan urat pun bukan boleh dibuat sekejap-sekejap. Dan itu pula boleh diulang-ulang tanpa kebosanan. Ini belum lagi termasuk segala yang ada di kepala di kaki, di perut, di dalam perut, di dada, di dalam dada, telinga, dalam telinga, hidung, dalam hidung, dagu, belakang, punggung, kemaluan dan paha.”

(Novel Sampah,2018: 24-25)

Petikan di atas memaparkan bahawa golongan miskin ini mempunyai kekayaan ketenangan hati yang tidak semua manusia dapat melainkan sentiasa bersyukur dengan apa yang ada. Di sini dapat kita pelajarilah bahawa ketenangan jiwa dan raga merupakan suatu kekayaan yang sukar didapati oleh semua orang. Golongan ini sentiasa bersyukur atas segala kurniaan yang Allah berikan kepada mereka meskipun diuji dengan kelaparan dan kehausan. Dari Abu Hurairah, Nabi bersabda: “kekayaan bukanlah banyak harta benda, akan tetapi kekayaan adalah kekayaan hati.”(HR. Bukhari & Muslim).

Di samping itu, mereka menganggap kekayaan dapat diukur dengan mempunyai tubuh badan yang sempurna dan mampu berdiri salah satu kenikmatan yang tidak dapat digambarkan. Dalam pada itu, mereka tidak pernah menganggap diri mereka miskin malah sentiasa mendoakan sesuatu keajaiban yang berlaku di dalam kehidupan mereka. Mereka juga seperti manusia biasa mempunyai impian dan harapan namun

nasib tidak menyebelahi mereka lagi justeru itu, mereka tetap tabah diuji meskipun rintangan semakin hari hebat untuk ditempuh.

“Keabadian kau berpunca daripada kemiskinan dan kepapaan.:

“Tidak ! Tidak ! Aku tidak miskin, aku tidak pernah papa.”

“Tapi lihat ! Apa yang kau ada selain anggota yang tidak boleh dipisah-pisahkan.”

“Aku memang tidak ada apa-apa. Kalau itu yang kau fikirkan tentang kemiskinan dan kepapaan. Anggota-anggota ini bukan hak milikku. Aku tidak ada apa-apa. Aku adalah kekosongan. Aku adalah kepakuman. Itu kekayaanku.”

“Mana kekosonganmu?” Diam membatu.

“Kau kekosongan. Aku tak suka orang lain merenggut kekosonganku. Kau keabadian. Aku tak suka orang lain merenggut keabadianku. Kekosongan ialah hak milikku. Keabadian ialah hak milikku.”

(Novel Sampah, 2018: 72-73)

Petikan di atas menggambarkan bahawa nilai kekayaan sebenar bagi seseorang manusia yang miskin. Jiwa mereka tidak miskin. Pemikiran mereka tidak miskin malah penuh dengan pemikiran yang hebat. Mereka orang bijak pandai cuma keadaan memaksa mereka jadi pengemis dan gelandangan. Mereka dilihat miskin harta benda tapi mereka kaya dengan nikmat yang Allah berikan. Mereka hanya diuji kelaparan dan kehausan tetapi mereka mempunyai pemikiran yang tenang dan sentiasa positif.

4.2 CORAK PEMIKIRAN SHAHNON AHMAD DALAM NOVEL SAMPAH

Penulisan karya-karya sastera telah menonjolkan pemikiran pengarang kepada pembaca, pengkritik dan masyarakat dalam menilai penulisan mereka. Berdasarkan kenyataan Mana Sikana yang menyatakan, "Menulis bukanlah suatu kerja yang boleh dilakukan secara sambil lewa. Lazimnya apa yang ditulis terbit daripada keyakinan"

(Jambak 3 1995: 196). Melalui kenyataan ini dapat diteliti bahawa Mana Sikana sendiri menegaskan setiap hasil karya sastera yang dicipta oleh para pengarang memerlukan satu kerja yang perlu teliti dan mendalam serta keyakinan yang tinggi dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat melalui penulisan.

Melalui hasil karya yang dihasilkan dapat pengkaji merungkai pemikiran Shahnnon Ahmad sendiri daripada salah satu novel beliau iaitu Sampah. Novel ini telah diterbitkan pada tahun 1974 bagi cetakan yang pertama dan cetakan kedua pada tahun 2018. Novel Sampah ini bersifat fiksyen. Fiksyen ialah sebarang bentuk naratif yang berkaitan dengan peristiwa, tidak mempunyai fakta yang jelas. Watak-watak yang terdapat di dalam karya fiksyen adalah khalayan atau imaginasi penulis yang dicipta oleh mereka di dalam karya. Karya sastera fiksyen boleh dijadikan fiksyen realistik dan bukan realistik. Fiksyen realistik dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang tidak benar tetapi sebenarnya boleh berlaku dalam kehidupan manusia. Manakala fiksyen bukan realistik bermaksud sesuatu yang tidak boleh benar-benar berlaku. Hal ini kerana ianya berkaitan dengan perkara-perkara yang ghaib dan perkara yang mustahil berlaku dalam kehidupan manusia. Segala perkara yang berkaitan dengan fiksyen bukan realistik adalah tidak logik dan tidak disokong oleh fakta-fakta sejarah.

Melalui objektif yang kedua ini pengkaji akan lebih teliti menganalisis pemikiran Shahnnon Ahmad melalui novel Sampah. Pemikiran ialah corak manusia berfikir untuk membuat sesuatu keputusan atau menentukan tingkah laku mereka dalam kehidupan. Setiap manusia mempunyai corak pemikiran yang berbeza, mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza. Pemikiran manusia dikawal oleh akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada semua umat manusia untuk berfikir secara waras dan rasional. Azhar Wahid (2003:9) ada menyatakan 'akal manusia menjadi medan utama bagi semua bentuk aktiviti berfikir manusia. Oleh itu, berpunca daripada akal akan

wujudkan pelbagai bentuk pemikiran manusia'. Kenyataan Azhar Wahid ini menjelaskan bahawa pemikiran manusia dipandu oleh akal manusia. Menurut Kamus Dewan Dewan Edisi Keempat (2013) mendefinisikan akal ialah fikiran, budi, daya upaya, iktiar,, muslihat dan tipu daya. Justeru itu, pengkaji akan menganalisis pemikiran Shahnnon Ahmad dalam beberapa aspek mengikut novel *Sampah*.

4.2.1 PEMIKIRAN SHAHNON AHMAD DALAM MENILAI MANUSIA YANG MISKIN MELALUI NOVEL *SAMPAH*.

“Matlamat dan tujuan penulisan ialah untuk menyedarkan dan mendidik khalayak melalui wadah sastera yang unik tentang pelbagai masalah sosial dan aspek kehidupan. Terpulang kepada masyarakat untuk menerimanya atau menolaknya” (Shahnnon Ahmad, 11 November 2000, dlm. Talib Samat, 2010, 251). Kenyataan Shahnnon Ahmad di atas menyedarkan pengkaji bahawa matlamat dan tujuan penulisan yang Shahnnon Ahmad hasilkan adalah untuk menyedarkan dan mendidik khalayak untuk berubah kearah yang lebih baik.

Menurut Anwar Ridhwan (2020:15) Isu sosial dalam karya-karya Shahnnon terhasil atas kesedarannya terhadap pelbagai masalah yang dihadapi akibat kemiskinan masyarakatnya –sama ada kemiskinan material dalam sistem kapitalis yang tamak haloba, atau kemiskinan akidah, atau kemiskinan moral dan budi pekerti dalam kecanggihan teknologi maklumat, siber serta simpang siur budaya hedonisme. Hal ini jelas dapat kita perhatikan bahawa setiap karya Shahnnon Ahmad sentiasa membawa isu sosial yang sering terjadi dalam masyarakat.

Di dalam novel ini banyak Shahnnon Ahmad menekankan soal harta dan pangkat seseorang manusia. Beliau banyak menggambarkan situasi bagaimana kehidupan seorang pengemis yang hidup sebagai gelandangan. Watak *dia* yang memainkan

peranan yang penting dalam menggerakkan watak lain dalam novel tersebut. “Dia” yang menjadi pengemis hidup di bandar raya yang penuh dengan manusia yang mempunyai pelbagai status kehidupan. Sama ada miskin, golongan pertengahan dan golongan kaya.

Dalam menganalisis pemikiran Shahnon Ahmad tentang menilai manusia yang miskin melalui novel ini dapat diteliti bahawa manusia yang miskin ini mempunyai pemikiran yang tersendiri dan lebih bersikap merendah diri berbanding orang yang mempunyai kedudukan tinggi. Di dalam kehidupan kita pemikiran manusia berbeza-beza dan pendapat yang berlainan. Oleh hal yang demikian, pemikiran manusia yang miskin lebih memikirkan sesuatu yang cukup memadai untuknya. Bagi mereka mencari kekayaan bukanlah perkara yang utama namun hanya mengharapkan manusia disekeliling mereka menghargai kewujudan mereka.

Hal ini jelas dalam penghasilan novel Sampah Shahnon Ahmad sendiri bahawa beliau mahu masyarakat sedar bahawa golongan miskin seperti pengemis dan gelandangan ini wajar diberikan perhatian bukan menganggap mereka seperti sampah yang tiada nilai.

“Kau hanya seorang pengemis buruk.”

“Benar. Dia akui suara kata hati itu. Dia selama ini tidak pernah memberontak terhadap hakikat itu. Dia tidak pernah menolak segala kaitan dan hubungannya dengan benda-benda lain; baik sampah sarap, baik bangkai busuk, baik najis tengik atau apa sekalipun. Dia tidak menolak. Seorang pengemis amat miskin. Segala-galanya papa. Tetapi, kemiskinan dan kepapaan bukan lagi satu kehinaan satu deraan. Dia terlalu lama hidup bersama benda-benda itu.”

(Novel Sampah 2018:94)

Petikan di atas memaparkan bagaimana pemikiran pengemis itu sendiri. Dia merendahkan dirinya daripada masyarakat yang sering menghina dan memandangnya sebagai sampah masyarakat. Dia sendiri sedar bahawa dirinya tiada nilai dalam

masyarakat sehingga menganggap dirinya layak menerima apa sahaja benda yang kotor seperti bangkai dan sampah sarap. Di sini dapat kita teliti bahawa pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel ini mahu khalayak menyedari kewujudan pengemis ini perlu dibendung dan perlu diberikan perhatian dalam memberi bantuan kemanusiaan untuk mereka teruskan kehidupan seperti manusia yang lain. Kewujudan karya novel Sampah ini mahu membuka mata generasi muda bahawa pengemis juga mempunyai pemikiran yang rasional yang sifat yang baik untuk dipelajari daripada mereka iaitu sentiasa merendah diri dalam masyarakat.

4.2.2 Pemikiran Shahnnon Ahmad Mendalami Perasaan Seorang Pengemis.

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka mendefinisikan perasaan ialah perihal rasa yang dirasakan seseorang seperti perasaan gembira, sedih, terharu dan sebagainya. Setiap manusia pastinya mempunyai emosi dan perasaan tersendiri seperti gembira, sedih, kecewa dan sebagainya. Perasaan manusia dapat diluahkan melalui percakapan, tubuh badan dan ekspresi wajah. Emosi dan perasaan manusia mula berkembang sejak lahir lagi. Hal ini terjadi kerana adanya ransangan daripada orang disekeliling. Pengalaman atau rutin harian seseorang manusia memberi satu ransangan manusia untuk mengekspresikan perasaan atau emosi mereka mengikut situasi yang mereka lalui. Semakin dewasa seseorang manusia itu dapat kita lihat bagaimana seseorang itu mampu mengawal emosi dan perasaannya ketika berhadapan dengan sekeliling.

Bersandarkan kepada matlamat kajian ini dapat pengkaji merungkai pemikiran Shahnnon Ahmad mendalami perasaan seorang pengemis. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005:85) menyatakan bahawa setiap kata-kata itu bagi sesuatu konsep akan sentiasa melingkari minda seseorang pengarang itu. Oleh yang demikian, dapat kita teliti bahawa Shahnnon Ahmad telah mendalami perasaan seorang pengemis. Beliau

cuba menggambarkan perasaan seorang pengemis dengan menghasilkan karya novel *Sampah*.

Menerusi kajian ini, Shahnnon Ahmad mahu menyampaikan kepada masyarakat tentang perasaan seorang manusia yang menjadi pengemis atau gelandangan. Novel *Sampah* penulisan beliau ini dapat kita salami perasaan seorang pengemis bagaimana kehidupannya yang susah dan perit. Menurut Linschoten (Sundari, 2005) menjelaskan bahawa perasaan manusia terbahagi kepada 3 kategori iaitu yakni suasana hati, perasaan itu sendiri, dan emosi. Emosi manusia menjadi sebahagian besar dalam mengawal perasaan dan saling berekspresi dalam memaparkannya. Novel *Sampah* ini dapat kita teliti Shahnnon Ahmad cuba menggambarkan ekpresi perasaan dan emosi seseorang pengemis yang terpaksa mengharungi kehidupannya. Melalui petikan di bawah dapat kita huraikan bahawa pengemis atau gelandangan juga mempunyai perasaan untuk kita menghargai mereka di sekeliling.

“Aku hanya seorang pengemis.”

“Kaulah pengemis paling terhina.”

“Mengemis sesen dua untuk membeli sesuap benda untuk menyambung hidup untuk melambatkan kunjungan itu sendiri.”

Diam diam.

“Kau hanya kosong harta benda. Lihat kulitmu. Berdaki dan berlumut. Lihat pakaianmu. Rabak dan busuk. Lihat tanganmu. Terketar-ketar menghulur mengemis harta benda. Lihat matamu. Merah dan bengkok merindukan kekayaan.”

Dia terus diam.

“Kau adalah pengemis.”

“Tidak ! Aku bukan pengemis. Merekalah pengemis harta benda”

(Novel *Sampah* 2018:74)

Petikan di atas memaparkan bahawa hinaan yang pengemis terima daripada seseorang yang tidak dikenali telah membuat dia beremosi dalam berkata-kata.

Perasaannya bergelora saat dihina hanya kerana tidak mempunyai harta benda yang dapat dibangga dan ditunjuk. Oleh itu, jelaslah bahawa Shahnnon Ahmad telah mendalami perasaan seorang pengemis dengan menghasilkan sesebuah karya sastera iaitu novel Sampah dengan penggunaan ayat yang sangat mendalam dan perlu ditafsir dengan baik. Mohamad Mokhtar Hassan (2005:89) juga menyatakan bahawa seseorang pengarang secara sedar atau tidak sedar akan mengemukakan konsepnya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek, dan sebagainya melalui karya karyanya dengan pemilihan kata yang digunakan. Konsepsi seseorang pengarang terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek, dan sebagainya dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya atau karya-karya yang dibaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan oleh pengarang.

Justeru itu, pemilihan isu dan kata yang sesuai telah membawa satu pemikiran bahawa Shahnnon Ahmad cuba mengetengahkan isu pengemis dan gelandangan ini dalam masyarakat. Penghasilan karya novel tersebut untuk menyedarkan masyarakat bahawa pengemis dan gelandangan itu juga manusia yang waras dan mempunyai perasaan seperti manusia biasa. Mohd Yusof Md Nor & Inon Shahharuddin Abdul Rahman (1992) turut memberi pendapat tentang nilai-nilai baik yang terkandung dalam sesuatu hasil karya penulis seperti berikut: kesusasteraan adalah karya ciptaan yang menyatakan pengalaman dan perasaan manusia. Di dalamnya terkandung gambaran nilai hidup masyarakatnya. Karya-karya yang dihasilkan mengandungi unsur-unsur moral, pendidikan dan nilai hormat menghormati, nilai kemanusiaan, taat setia, kejujuran dan berbeza-beza lagi.

4.3 Pemikiran Kerohanian Yang Menjadi Tunjang Utama Dalam Kehidupan Manusia.

Pemikiran kerohanian ialah pemikiran yang tinggi dan dipandang tinggi darjatnya. Pemikiran ini dianggap suci dan murni kerana pemikiran kerohanian ini berpaksikan kepada keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan (mesti ada rujukan). Selain itu, pemikiran kerohanian ini dijadikan sebagai tunjang kepada kehidupan manusia dalam menjaga keimanan diri dan menggambarkan kepercayaan manusia terhadap Tuhan yang Maha Esa. Di dalam teori SPB4K pemikiran kerohanian ini menjelaskan bahawa pemikiran kerohanian mempunyai hubungan perantaraan hubungan atau komunikasi antara manusia iaitu melalui secara vertikal kerana manusia sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini yang hidup sentiasa berhubung dengan Allah secara terus. Menurut Mohd Yusof Hassan (2007) hubungan manusia sesama manusia dan alam adalah satu hubungan manusia secara horizontal.

Di dalam novel *Sampah* hasil karya Shahnnon Ahmad ini dapat dilihat pemikiran kerohanian yang cuba Shahnnon Ahmad gambarkan agar masyarakat sedar bahawa pemikiran kerohanian ini penting dalam kehidupan sebagai manusia.

4.3.1 PEMIKIRAN KEROHANIAN DALAM KEAGAMAAN.

Shahnnon Ahmad telah menyatakan dalam penulisan beliau “sebagai seorang sasterawan yang bertanggungjawab, tujuan utama ialah untuk berdakwah membangunkan insan menurut tuntutan Islam melalui wadah kesusasteraan yang juga mengutamakan estetika. Oleh itu bila berbicara tentang tujuan, ia perlu kembali kepada keperibadian sasterawan itu sendiri, nilai yang dipegang, sikapnya dan matlamat hidupnya. Yang utama ialah ia perlu berdakwah untuk membangunkan manusia mengikut tuntutan Islam.” Oleh itu sesuai dengan karya sastera beliau iaitu

novel *Sampah* dapat kita memahami bahawa pemikiran kerohanian dalam keagamaan juga terkandung di dalamnya.

Shahnon Ahmad menggunakan karya-karya sastera beliau untuk berdakwah secara tidak langsung kepada masyarakat. Hal ini dapat menyuntik perasaan pembaca untuk melakukan perubahan dalam kehidupan tanpa dipaksa kerana telah diberikan suntikan fitrah sebagai manusia yang beragama. Di dalam novel *Sampah* banyak memaparkan pemikiran kerohanian dalam keagamaan. Hal ini menerangkan bahawa walaupun watak 'Dia' itu hanyalah seorang pengemis atau gelandangan namun sifat takwa dirinya kepada Allah SWT sangatlah memberi inspirasi kepada pembaca. Perkara ini jelas bahawa di dalam agama islam tidak memandang status atau pangkat seseorang untuk sentiasa meletakkan Allah SWT sebagai Tuhan yang Maha Berkuasa.

Agama ialah suatu kepercayaan manusia terhadap Tuhan yang mencipta dirinya dan seluruh alam semesta. Faisal bin Haji Othman (1991: 118) menyatakan bahawa Islam ialah satu-satunya agama yang memandang manusia dan alam semesta dengan pandangan yang positif dan afirmatif. Hal ini jelas bahawa agama memainkan peranan yang penting dalam memelihara pemikiran manusia bagi membezakan antara baik dan buruk sesuatu perkara. Selain itu dengan pemikiran kerohanian dalam keagamaan ini dapat memelihara pemikiran manusia secara rasional dalam kehidupan seharian. Di dalam novel *Sampah* Shahnon Ahmad ada memaparkan beberapa pemikiran kerohanian melalui watak *dia* (seorang pengemis atau gelandangan) yang menjadi watak utama dalam novel ini.

Segala harta pusaka di luar diri perlu disingkirkan kalau hendak menemui keabadian lebih cepat, fikiran. Dan ini bukan hanya terbatas pada air yang membasah tekak atau sesuap nasi yang mengisi uncang perut, tetapi segala apa saja. Sekarang segala apa saja itu sudah berselerak tabak. Tersingkir bukan saja dari dirinya, tetapi juga dari daerah hak milik yang diciptakannya.

Hanya dengan jalan itu kesucian yang paling tinggi darjatnya tercapai. Menemui maut adalah menemui cinta, menemui Tuhan. Dan setiap pertemuan maha suci perlu bertolak daripada kesucian maha suci juga.

(Novel Sampah 2018: 20)

Petikan novel di atas menerangkan bahawa Shahnnon Ahmad cuba membawa pembaca untuk berfikir secara mendalam tentang kerohanian dalam keagamaan. Harta benda dan pangkat tidak diperlu diagungkan sehingga melupa diri. Manusia yang beriman kepada Allah pasti tahu setiap harta benda hanyalah asbab untuk mendapat pahala dengan melakukan amalan kebajikan. Namun andai hidup berpaksikan kepada pemikiran kerohanian dalam keagamaan manusia pasti akan lebih tenang meninggalkan dunia tanpa memikirkan harta yang dimiliki. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2008: 143) satu aspek penting yang menjadi penanda jati diri masyarakat ialah agama. Hal ini menerangkan agama memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian seseorang manusia. Oleh itu pemikiran kerohanian juga mampu dilahirkan daripada masyarakat yang sentiasa meletakkan agama sebagai tunjang asas kehidupan.

Pemikiran dalam keagamaan di dalam novel *Sampah* ini lebih memberikan fokus kepada pemikiran seorang pengemis yang miskin akan harta tapi pemikiran kerohanian tentang keagamaan sangatlah tinggi. Dia lebih memilih untuk hidup seperti itu kerana baginya manusia yang mempunyai harta dan pangkat yang tinggi membuat manusia lupa diri dan Sang Pencipta. Begitulah pemikiran yang Shahnnon Ahmad ketengahkan isu pemikiran dalam keagamaan sangat penting agar masyarakat sedar dan tidak mudah terpesong.

Bukannya dia tidak mahu hidup dalam keadaan selesa namun dia lebih memilih untuk seperti itu untuk melihat pelbagai ragam manusia dan pandangan manusia

terhadap dirinya yang dianggap hina dalam masyarakat. Bagi watak *dia* yang menjadi tunjang utama di dalam novel ini dapat digambarkan bahawa pemikiran kerohaniannya berpaksikan kepada keimanannya kepada Allah. Hubungannya dengan Allah sangat erat sehingga memperlihatkan bahawa dia hidup di dunia ini sedang mencari sesuatu yang hakiki dan kekal di akhirat sana nanti. Apa yang dia inginkan hanya mencari cinta Tuhan yang menciptakan dia dan mengharapkan sebuah kematian yang mampu membuat dia bertemu dengan cinta yang paling agung dalam hidupnya.

4.3.2 PEMIKIRAN KEROHANIAN DALAM KETAUHIDAN

Menurut Zainuddin (2020: 23) tauhid berasal dari kata “wahid” “واحد” (maksudnya “satu”). Menurut Muhammad Abduh yang merupakan sarjana islam menjelaskan tentang tauhid ialah ilmu yang membahas tentang wujud Allah, sifat-sifat yang mesti ada padaNya, sifat-sifat yang boleh ada padaNya, sifat-sifat yang tidak boleh ada padaNya. Hal ini membahaskan juga tentang para Rasul untuk menetapkan keutusan mereka, sifat-sifat yang mesti dipertautkan kepada mereka, sifat-sifat yang boleh dipertautkan kepada mereka, dan sifat yang tidak mungkin ada pada mereka. Definisi yang diberikan oleh Muhammad Abduh jelas bahawa pemikiran kerohanian memainkan peranan yang penting dalam ilmu ketauhidan seseorang manusia yang mempunyai agama.

Dalam pada itu, Jubaran Mas’ud (1967:22) juga menyatakan bahawa tauhid bermakna beriman kepada Allah, Tuhan yang Esa, atau juga sering disamakan dengan kata “لا اله الا الله” (tiada Tuhan Selain Allah). Dalam membicarakan tentang tauhid kepada Allah ini dapat kita meneliti bahawa Shahnun Ahmad mahu masyarakat sentiasa mengtauhidkan Allah dalam kehidupan seharian. Penghasilan novel *Sampah* ini dapat kita perhati bahawa Shahnun Ahmad cuba mengetengahkan seorang

pengemis atau gelandangan juga manusia yang tidak terlepas dalam mengtauhidkan Allah. Jika kita hanya melihat alim ulamak sahaja yang sentiasa meletakkan Allah dalam semua urusan kehidupan. Manusia yang ketandusan dalam kehidupan tanpa harta hanya hidup sebagai pengemis juga mempunyai sifat mengtauhidkan Allah.

Perkara ini menerangkan bahawa manusia tidak boleh membahaskan sesuatu perkara yang diluar kemampuan akal fikiran yang boleh merosakan pemikiran. Manusia pada hari ini banyak yang mengalami masalah kesihatan mental dan selalu memikirkan perkara yang diluar kemampuan manusia sehingga merosakan kehidupan seharian. Sebagai manusia yang percaya akan kewujudan Allah dan percaya kepada sifat-sifatNya tiada bandingan sewajarnya meletakkan kerendahan diri dan selalu mengtauhidkan Allah. Bukannya semakin diberikan kemewahan dan pangkat yang tinggi semakin melupakan diri.

Di dalam novel *Sampah* ini dapat kita lihat seorang pengemis sentiasa berfikiran mengtauhidkan Allah dengan mengingati kematian. Selain itu, di dalam novel ini juga memaparkan kisah manusia yang menggunakan kuasa yang ada untuk menindas manusia yang lemah tanpa memikirkan perasaan mereka yang tidak mempunyai tempat untuk berteduh apatahlagi untuk makan sesuap nasi. Perkara ini sering dipaparkan oleh Shahnnon Ahmad untuk para pembaca sedar bahawa jika kita mengtauhidkan diri kepada Allah pasti layanan kita terhadap manusia lain adalah baik dan saling hormat menghormati tanpa melihat pakaian dan status seseorang. Layanan yang baik dan memahami keadaan mereka dalam apa jua situasi memberi satu pemikiran kerohanian yang tinggi darjatnya. Manusia disekeliling kita akan memandang hormat kepada kita dan sentiasa mengikut jejak langkah kita untuk menjadi manusia yang baik dan mengtauhidkan Allah sebagai tuhan yang mencipta

seluruh alam semesta. Petikan di bawah memaparkan sikap manusia yang sering menindas menggunakan kuasa kepada manusia yang miskin.

“ Nyah ! Nyah dari sini.”

Dia ditolak. Ditolak lagi. Tersungkur jatuh mencium bumi panas. Kakinya melintang tanah macam batang pisang. Dan bungkusan terhimbau; menyembur keluar sekali lagi segala harta benda yang baru dipungut. Perlahan-lahan dia menarik tangan menegaknya kembali.

“Bangun ! Bangun!” tempik yang berkuasa.

Kedua belah tangan memiliki sepuluh jari menggerapai bumi yang gersang. Aku boleh bangun. Jatuhlah seribu kali pun, aku memang boleh bangun. Aku boleh pungut. Jangan siapa suruh. Aku sendiri akan membongkok dan memungut segala yang tertabur. Aku telah lama memungut benda jatuh.

(Novel Sampah 2018: 35)

Petikan di atas menjelaskan bahawa manusia yang mempunyai kuasa pastinya akan menggunakan tanpa memikirkan perasaan manusia yang sering dipandang hina oleh masyarakat. Bagi mereka golongan pengemis dan gelandangan ini hanyalah manusia yang tidak mempunyai kepentingan dalam masyarakat. Lantaran itu, layanan yang kasar adalah wajar bagi mereka kepada golongan ini. Oleh itu jelaslah bahawa pemikiran kerohanian dalam mengtauhidkan Allah sangat penting dalam kehidupan kita. Hal ini akan memberi kesedaran kepada manusia semuanya sama tanpa mengira warna kulit, status, pangkat, kekayaan, kemiskinan, buruk, cantik dan sebagainya. Perkara yang membezakan hanyalah ketakwaan kita terhadap Allah SWT. Seandainya kita sentiasa mengtauhidkan Allah SWT maka kita akan memberi layanan yang sama setiap manusia.

4.4 KESIMPULAN

Analisis dapatan kajian corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah* telah sejajar dengan objektif kajian oleh penyelidik. Prinsip ketuhanan iaitu pemikiran kerohanian dalam teori SPB4K telah diaplikasikan dengan baik dan telah

membuktikan bahawa Shahnnon Ahmad mempunyai pemikiran kerohanian dalam karya sastera beliau. Pada peringkat pertama penyelidik cuba memaparkan konsep kekayaan bagi seorang yang miskin dari segi zahirnya. Dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa manusia yang miskin harta benda mempunyai kekayaan tersendiri. Jiwa dan pemikiran mereka sangatlah bernilai kerana mereka manusia yang sentiasa bersyukur dengan nikmat yang mereka terima daripada Allah SWT.

Nilai kekayaan yang mereka miliki tidak dapat dihitungkan dengan mata wang namun kekayaan yang mereka miliki tidak semua manusia yang mempunyai harta boleh mendapatkannya iaitu ketenangan. Selain itu, kajian ini telah membuktikan bahawa corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah* telah membawa banyak isu sosial dalam masyarakat. Di dalam novel *Sampah* ini dapat kita lihat Shahnnon Ahmad cuba memaparkan perasaan seorang pengemis dan menilai pemikiran manusia yang miskin. Dapatan kajian melihat bahawa pemikiran manusia yang miskin ini sangat hebat dan mempunyai rasional tersendiri dalam setiap apa yang mereka fikirkan.

Demikian juga, pemikiran kerohanian yang berteraskan kepada dua bahagian iaitu keagamaan dan ketauhidan telah membawa novel *Sampah* ini mempunyai nilai dakwah yang Shahnnon Ahmad cuba mendidik masyarakat sentiasa meletakkan Allah SWT sebagai panduan dalam kehidupan. Dengan analisis yang tersebut telah membawa corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah* dengan mengaplikasikan teori SPB4K.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini mengupas berkenaan perbincangan ringkasan kajian, dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Bagi ringkasan kajian menyimpulkan pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi kajian, persampelan, prosedur pengumpulan dan penganalisan data. Dapatan kajian membincangkan analisis corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah* dengan mengaplikasikan teori SPB4K. Seterusnya, implikasi kajian membahaskan implikasi terhadap amalan dari dapatan kajian. Akhir sekali, disertakan cadangan kajian lanjutan bagi melengkapkan kajian ini.

Setelah menjalani kajian ini secara mendalam terhadap novel *Sampah* dan menggunakan teori SPB4K dalam mengkaji pemikiran Shahnnon Ahmad, penyelidik mendapati bahawa pemikiran kerohanian perlu diterapkan dalam generasi muda bagi memastikan keseimbangan keperibadian masyarakat. Pemikiran Shahnnon Ahmad di dalam novel *Sampah* telah dikaji dan dibuktikan melalui teori SPB4K oleh Prof. Dr. Mohd Yusof Hasan.

Pemikiran kerohanian yang terdapat di dalam teori SPB4K ini telah digunakan bagi mencapai objektif kajian penyelidik. Teori SPB4K ini sangat sesuai digunakan bagi merungkai pemikiran seseorang pengarang atau sesebuah novel yang banyak memberi pengaruh kepada masyarakat. Di dalam teori SPB4K ini bukan hanya tertumpu kepada pemikiran kerohanian sahaja namun terdapat juga pemikiran kreatif, pemikiran kebitaraan dan pemikiran saintifik. Keempat-empat pemikiran yang terkandung di dalam teori SPB4K memainkan peranan yang penting dalam meneliti kajian penyelidik.

5.1 RUMUSAN

Di dalam bab lima ini, penyelidik cuba untuk merumuskan semua kajian yang telah penyelidik meneliti novel *Sampah* dengan mengaplikasikan teori SPB4K sebagai tunjang dalam kajian ini. Selain itu, penyelidik akan merungkai dapatan kajian dan kesimpulan kajian yang telah diperolehi sepanjang menjalankan penyelidikan dalam Novel Sampah hasil karya Shahnnon Ahmad ini perlu diangkat dan didedahkan kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan belia.

Secara keseluruhannya, kajian ini meletakkan Shahnnon Ahmad sebagai objek utama dalam meneliti corak pemikiran beliau. Kehadiran teori SBP4K memberi satu pengaplikasi bagi merungkai pemikiran kerohanian yang terkandung di dalam novel *Sampah* hasil karya Shahnnon Ahmad sendiri. Nilai kekayaan seseorang manusia yang miskin dapat kita dilihat melalui novel tersebut. Hal ini membuktikan bahawa manusia yang miskin hanya kerana tidak mempunyai material namun kekayaan ketenangan, pemikiran dan sentiasa bersyukur itu memberi satu nilai kekayaan yang tidak dibeli dengan duit.

Selain itu, dalam menganalisis pemikiran Shahnnon Ahmad dapat penyelidik memerhatikan bahawa Shahnnon Ahmad cuba membawa masyarakat untuk mendalami perasaan seorang pengemis melalui novel tersebut. Pengemis juga mempunyai perasaan seperti manusia biasa dan mempunyai pemikiran yang hebat. Namun pandangan masyarakat terhadap golongan seperti mereka ini hanya seperti debu yang tidak kelihatan dan tiada gunanya.

Demikian juga, kajian ini juga telah melihat bahawa Shahnnon Ahmad menilai pemikiran manusia yang miskin. Kita manusia yang biasa melihat golongan pengemis ini seperti orang tidak berakal. Namun sebaliknya dapat dilihat di dalam novel

Sampah golongan ini adalah golongan yang cerdik pandai namun hanya suara dan pendapat mereka sahaja tidak dengari oleh kita.

Akhir sekali, pemikiran kerohanian dalam beragama dan sentiasa mengtauhidkan Allah SWT dapat dibuktikan di dalam novel ini. Perkara ini jelas bahawa jika kita meletakkan Allah sebagai panduan dalam kehidupan kita pastinya apa sahaja dugaan yang datang menimpa kita akan lebih tenang dan bersyukur. Hal ini menggambarkan bahawa pengemis dan gelandangan orang yang sentiasa tabah mengharungi kehidupan mereka meski dihina namun mereka ada sifat takwa kepada Allah SWT.

5.2 IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan kepada kajian dan analisis corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah* dengan mengaplikasikan teori SBP4K telah jelas dibuktikan dengan penerapan prinsip ketuhanan iaitu pemikiran kerohanian. Selain itu, dapat merungkai pemikiran Shahnnon Ahmad di dalam novel *Sampah* yang membawa kisah tentang seorang pengemis. Bahagian ini akan memberi implikasi kajian.

Setiap kajian yang dijalankan oleh para penyelidik akan menjadi penanda aras bagi dalam memahami setiap kajian yang cuba mereka ketengahkan kepada para penyelidik yang akan datang. Setiap pemikiran yang mereka huraikan di dalam sebuah kajian akan memberi kesan implikasi kepada mereka yang melakukan penyelidikan.

Selain itu, implikasi kajian ini juga menggalakkan agar generasi muda sentiasa mempunyai pemikiran kerohanian yang tinggi. Hal ini penting dalam membentuk keperibadian yang baik dalam kehidupan. Dengan pegangan agama dan sentiasa mengtauhidkan diri kepada Allah SWT akan memberi satu jalan yang mudah untuk kita sentiasa memberi layanan yang baik terhadap semua lapisan masyarakat tanpa mengira siapa pun.

Demikian juga, implikasi daripada kajian ini mengharapkan manusia tidak meletakkan kekayaan sebagai satu bentuk ukur kedudukan seseorang bagi mendapat sesuatu tempat yang khas dan istimewa bagi mereka. Hal ini akan menjadikan jurang kemiskinan dan golongan kaya akan kekal diwarisi oleh generasi yang datang. Sikap memandang status seseorang itu perlulah dihindari agar tidak membuka jurang kemiskinan dalam masyarakat.

5.3 CADANGAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, perbincangan akan mengupas tentang beberapa bentuk cadangan yang boleh dijadikan garis panduan kepada para penyelidik akan datang. Pada peringkat ini, beberapa cadangan akan dikemukakan untuk dijadikan rujukan bagi penyelidik yang akan datang.

5.3.1 PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN

Dalam bidang penulisan dan kepengarangan ini peranan institusi pendidikan memainkan peranan yang penting bagi melahirkan generasi baru dalam bidang kesusasteraan dengan menghasilkan pelbagai karya sastera yang bermutu tinggi. Institusi pendidikan bermula daripada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, kolej dan universiti. Dengan melalui proses pendidikan memberi satu pendedahan kepada generasi muda dalam bidang penulisan. Bermula daripada sekolah, para guru akan memberi pengajaran bagaimana para pelajar untuk menghasilkan satu pengarangan yang baik dan menghasilkan karya sastera.

Di sekolah, bidang kepengarangan wajar ditekankan dalam pembelajaran agar dapat memupuk minat golongan remaja untuk menceburi bidang sastera dalam usia yang muda. Dalam pada itu, para guru perlulah memainkan peranan dan mahir dalam bidang pengarangan agar dapat memberi tunjuk ajar yang berkesan kepada pelajar.

Selain itu, penerapan novel-novel hasil karya Shahnnon Ahmad juga wajar dijadikan bahan bacaan golongan remaja di sekolah serta IPTA. Hal ini bagi mendedahkan kisah masyarakat yang lebih dekat dengan kita pada masa kini. Karya-karya Shahnnon Ahmad banyak membawa isu sosial. Hal ini wajar kerana banyak nilai kemanusiaan yang boleh kita pelajari di dalam novel tersebut. Selain itu, novel *Sampah* ini boleh dijadikan sebagai novel bacaan bagi pelajar tingkatan enam kerana ianya banyak memberi manfaat dan mendidik generasi muda secara halus.

5.4 Kesimpulan

Akhirnya, penyelidik berharap kajian ini akan memberi manfaat kepada generasi yang akan datang. Cadangan dan implikasi kajian di atas diberikan mengikut logik dan keadaan yang mampu dilakukan oleh generasi yang terdekat. Secara keseluruhannya, setelah dikaji corak pemikiran Shahnnon Ahmad di dalam novel *Sampah* dengan penerapan Teori SPB4K telah menunjukkan bahawa pemikiran kerohanian sangat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Justeru itu, cadangan dan implikasi kajian sangat menitikberatkan soal pemikiran kerohanian manusia agar dapat membeza antara yang baik dan buruk kepada manusia.


RUJUKAN

- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din, & Phaosan Jehwae. (2020). *Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11(1).
- Ibrahim, N., & Omar, A. (2017). Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib. *Sains Humanika*, 9(3).
- Wahid, R. A., & Abdillah, N. (2020). Pemikiran Peradaban Melayu dalam Cerita-cerita Pilihan Mak Yong menerusi Perspektif Teori SPB4K/The Malay Civilisation Thoughts in Selected Mak Yong Tales through the Theoretical Perspective of SPB4K. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*.
- Zubir, S. K. B. M., & Abdullah, N. A. B. (2014). Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk Membangunkan Sahsiah Belia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 145-174.
- Mohammad, H. (2013). *Aspek dakwah dalam novel-novel terpilih Faisal Tehrani* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Mohd, F. H., & Affendi, N. R. N. M. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51.
- Wahid, R. A., & Abdillah, N. (2020). Pembangunan Modal Insan Berdasarkan Perspektif Pemikiran Kerohanian menerusi Teori SPB4K dalam Karya Sastera. *Jurnal Bahasa Sastera Budaya*.


- Said, M. F., & Omar, A. (2013). Pembinaan Modal Insan Dalam Novel Komsas Kembara Amira Karya Amer Hmzah L. Kadir. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 42-61.
- Wijaya, T. S. I. (2019). Falsafat dan Tasawuf sebuah Misteri Peradaban (Dialog Pertemuan antara Pemikiran dan Perasaan, Problema Ibn Tufail dan Ibn'Arabi). *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 1(1), 72-89.
- Borhan, J. T. (2008). Pemikiran pembangunan ekonomi berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 27, 93-107.
- Warasto, H. N. (2018). Pembentukan Akhlak Siswa. *Jurnal Mandiri: Ilmu Pengetahuan, Seni, dan Teknologi*, 2(1), 65-86.
- Ridhwan, A. (2021). Shahnon Ahmad: Dari Naratif Daerah Ke Wadah dan Wajah Kebijaksanaan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 13-21.
- Baharuddin, A. Z., & Omar, A. (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam Drama. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 4(1), 32-39.
- Nafi'ah, B., & Haerianingrum, S. (2021). Implementasi Nilai-Nilai Islam Dalam Distribusi Kekayaan Dan Pendapatan. *Al-Infaq: Jurnal Ekonomi Islam*, 12(1), 24-36.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN